



JABATAN AUDIT NEGARA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2018

PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI DAN
PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI

MELAKA

TAHUN 2018



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

**NEGERI MELAKA
TAHUN 2018**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	vii
RINGKASAN EKSEKUTIF	xi
BAHAGIAN I	
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018	
Pendahuluan	1 - 3
Objektif dan Metodologi Pengauditan	1 - 4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	1 - 5
BAHAGIAN II	
ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	2 - 3
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	2 - 3
Penyata Prestasi Kewangan	2 - 3
Kumpulan Wang Disatukan	2 - 4
Wang Awam	2 - 6
Akaun Hasil Disatukan	2 - 9
Akaun Pinjaman Disatukan	2 - 19
Akaun Amanah Disatukan	2 - 20
Penyata Akaun Memorandum	2 - 36
Akaun Belum Terima	2 - 44
Rumusan Audit	2 - 45
Syor Audit	2 - 46

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Pendahuluan	3 - 3
Pengauditan Penyata Kewangan	3 - 3
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	3 - 4
Pemakaian Piawaian Perakaunan	3 - 5
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	3 - 6
Pembentangan Penyata Kewangan	3 - 10
Analisis Prestasi Kewangan	3 - 11
Bidang Utama Audit	3 - 22
Rumusan Audit	3 - 33
Syor Audit	3 - 34

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	4 - 3
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	4 - 3

PENUTUP 5 - 3

LAMPIRAN

Lampiran I	- Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	6 - 3
Lampiran II	- Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	6 - 6
Lampiran III	- Penyata Kedudukan Kewangan	6 - 8
Lampiran IV	- Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	6 - 9
Lampiran V	- Penyata Prestasi Kewangan	6 - 11
Lampiran VI	- Penyata Akaun Memorandum	6 - 12
Lampiran VII	- Nota Kepada Penyata Kewangan	6 - 13

AKRONIM 7 - 3

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Yang Dipertua Negeri Melaka. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Yang Dipertua Negeri Melaka pula akan menyebabkan Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Melaka.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Melaka Tahun 2018 ini mengandungi perkara seperti berikut:
 - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
 - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
 - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri; dan
 - iv. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2018 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan negeri sepanjang tahun 2018. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2018, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun 2018 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Melaka yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

Putrajaya

24 Oktober 2019



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan asas perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka tahun 2018 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun persekutuan dan negeri.
- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan kerajaan negeri.
- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Melaka secara keseluruhannya pada akhir tahun 2018, di samping dapat membantu kerajaan negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

**BAHAGIAN I
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018**

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**BAHAGIAN II
Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM69.86 juta iaitu menurun sejumlah RM29.39 juta berbanding RM99.25 juta pada akhir tahun 2017.
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan defisit semasa berjumlah RM13.86 juta. Kutipan hasil meningkat sejumlah RM31.67 juta kepada RM367 juta berbanding RM335.33 juta pada tahun 2017.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan kerajaan negeri di bawah RMKe-11 pada tahun 2018 adalah baik iaitu sejumlah RM52.16 juta (80.2%) telah dibelanjakan

berbanding RM65.05 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 239 jumlah projek yang dirancang, 201 projek (84.1%) telah disiapkan sepenuhnya, sembilan (9) projek (3.8%) sedang dilaksanakan dan 23 projek (9.6%) masih belum dimulakan dan enam (6) projek (2.5%) telah dibatalkan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM7.32 juta atau 1.6% daripada RM470.72 juta pada tahun 2017 kepada RM463.41 juta pada tahun 2018.
- Jumlah hutang awam menurun sejumlah RM3.60 juta (0.4%) kepada RM839.69 juta berbanding RM843.29 juta pada tahun 2017. Tunggakan bayaran balik hutang awam oleh kerajaan negeri meningkat kepada RM516.67 juta pada tahun 2018 berbanding RM459.98 juta pada tahun 2017.

BAHAGIAN III

Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

Prestasi Kewangan:

- Kesemua 16 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit.
- Berdasarkan sebelas 11 penyata kewangan BBN dan satu (1) penyata kewangan MAI, kedudukan kewangan bagi tahun 2018 adalah memuaskan berbanding tahun 2017.
 - Pada akhir tahun 2018, lebih pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul BBN meningkat sejumlah RM75.96 juta (6.1%), aset meningkat sejumlah RM53.77 juta (2.6%), aset semasa bersih meningkat sejumlah RM136.25 juta (31.8%) dan lebih pendapatan tahun semasa berkurangan sejumlah RM18.63 juta (33%) berbanding tahun 2017.
 - Pada 31 Disember 2018, sembilan (9) daripada 31 syarikat subsidiari di bawah lima (5) BBN dan MAI telah mendapat lebih terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM66.12 juta. Sebanyak 17 syarikat subsidiari menunjukkan defisit terkumpul keseluruhannya berjumlah RM22.39 juta.

- Berdasarkan empat (4) penyata kewangan PBT, kedudukan kewangan bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti berikut:
 - Tiga (3) PBT telah mencatatkan lebih dan satu (1) PBT telah mencatatkan defisit yang mana secara keseluruhan menunjukkan lebih berjumlah RM31.23 juta.
 - Tunggakan cukai taksiran telah meningkat sejumlah RM7.01 juta (8.1%) daripada RM86.73 juta pada tahun 2017 kepada RM93.74 juta pada tahun 2018.

Geran Pembangunan

- Pada tahun 2018, hanya satu (1) BBN dan dua (2) PBT yang mempunyai baki geran pembangunan iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis Perbandaran Alor Gajah dengan jumlah keseluruhan berjumlah RM97.03 juta yang melibatkan sebanyak 41 projek. Jumlah ini tidak termasuk geran kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka berjumlah RM174,839.
- Daripada 41 projek, 12 projek telah disiapkan tetapi masih mempunyai baki geran yang berjumlah RM45.73 juta.

Pinjaman/Pendahuluan Diberi dan Diterima

- Jumlah pinjaman dan pendahuluan yang diberi kepada syarikat subsidiari oleh enam (6) BBN adalah bernilai RM16.66 juta.

Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri/Majlis Agama Islam

- Majlis Agama Islam Melaka dan lima (5) daripada 11 BBN mempunyai pelaburan dalam syarikat subsidiari. Jumlah pelaburan setelah mengambil kira peruntukan rosot nilai berjumlah RM45.90 juta berbanding RM41.60 juta pada 31 Disember 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM4.30 juta (10.3%).

Perolehan Artifak/Karya/Seni

- Daripada 11 BBN di Negeri Melaka, hanya sebuah BBN iaitu Perbadanan Muzium Negeri Melaka yang menguruskan artifak. Pada tahun 2018, Perbadanan Muzium Negeri Melaka telah melaksanakan perolehan berjumlah RM10,811 yang melibatkan sebanyak 52 barang artifak. Sebanyak 51 daripada 52 barang artifak tersebut diperolehi melalui sumbangan berjumlah RM10,311 dan satu (1) barang artifak diperolehi melalui pembelian berjumlah RM500.

Pengurusan Agihan Zakat

- Kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Melaka pada tahun 2018 menunjukkan hasil kutipan zakat Majlis Agama Islam Melaka adalah berjumlah RM89.18 juta berbanding RM87.80 juta pada tahun 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM1.38 juta (1.6%).

Cukai Taksiran

- Bagi tahun 2018, empat (4) PBT di Negeri Melaka telah mencatatkan kutipan cukai taksiran berjumlah RM171.59 juta iaitu meningkat sejumlah RM5.96 juta (3.6%) berbanding kutipan tahun 2017 iaitu RM165.63 juta. Semua PBT telah berjaya mencapai kutipan sebenar berbanding sasaran antara 73.6% hingga 108.6%

BAHAGIAN I

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA**
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

FAKTA UTAMA PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

01.01.2018 - 31.12.2018 Tahun kewangan kerajaan negeri	31 Julai 2019 Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	15 Februari 2019 Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Penyata Kedudukan Kewangan• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai• Penyata Prestasi Kewangan• Penyata Akaun Memorandum• Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran	

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 kepada Jabatan Audit Negara pada **15 Februari 2019**. Penyata tersebut melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2018 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh kerajaan negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu

dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2018. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan kerajaan negeri. Aset kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Tuntut dan Pelaburan. Tanggungan kerajaan negeri pula terdiri daripada hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam penyata kewangan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2018. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui surat pengurusan Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. *Exit Conference* bersama YB Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Jabatan telah diadakan pada 31 Mei 2019.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000*. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan Penyata Kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada tahun 2018 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka secara keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.**

3.3. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN
NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2018 - RM367 juta 2017 - RM335.33 juta	2018 – (RM91.38 juta) 2017 – (RM77.52 juta)	2018 - RM463.40 juta 2017 - RM470.72 juta
↑ BELANJA	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	↓ PELABURAN
2018 - RM433.02 juta 2017 - RM414.34 juta	2018 - RM0 2017 - RM0	2018 - RM88.53 juta 2017 - RM134.48 juta
	↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↓ HUTANG AWAM
	2018 - RM161.24 juta 2017 - RM176.77 juta	2018 - RM839.69 juta 2017 - RM843.29 juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018, juga membuat analisis mengikut prinsip perakaunan asas tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Melaka. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan yang telah dibuat oleh kerajaan negeri dan bagaimana lebihan atau defisit hasil tersebut

dibiayai. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Kutipan hasil tahun 2018 berjumlah RM367 juta hanya dapat membiayai 96.4% perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM380.86 juta. Oleh itu, baki perbelanjaan mengurus berjumlah RM13.86 juta dan keseluruhan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM52.16 juta telah dibiayai oleh wang tunai menerusi pelbagai terimaan, pelaburan dan akaun amanah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil	367.00	335.33	31.67	9.4
• Hasil Cukai	124.93	119.67	5.26	4.4
• Hasil Bukan Cukai	186.20	174.08	12.12	7.0
• Terimaan Bukan Hasil	55.87	41.58	14.29	34.4
(-) Perbelanjaan	433.02	414.34	18.68	4.5
• Perbelanjaan Mengurus	380.86	358.14	22.72	6.3
• Perbelanjaan Pembangunan	52.16	56.20	-4.04	-7.2
Defisit	-66.02	-79.01	-12.99	16.4
Defisit Dibiayai Oleh:				
Pinjaman	0	0	0	0
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	17.14	17.14	0	0
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	48.88	61.87	12.99	21.0
JUMLAH PEMBIAYAAN	66.02	79.01	12.99	16.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM69.86 juta. Jumlah ini merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai dan pelaburan yang masing-masing berjumlah RM11.32 juta dan RM58.54 juta.

Jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018

RM69.86 juta

Penurunan bagi tahun 2018 Kumpulan Wang Disatukan

RM29.39 juta

4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan menurun sejumlah RM29.39 juta (29.6%) kepada RM69.86 juta pada tahun 2018 berbanding RM99.25 juta pada tahun

2017. Pada tahun 2018, Akaun Hasil Disatukan menunjukkan peningkatan defisit kepada RM91.38 juta berbanding RM77.52 juta pada tahun 2017. Akaun Amanah Disatukan menunjukkan penurunan daripada RM176.77 juta pada tahun 2017 kepada RM161.24 juta pada tahun 2018. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2**.


JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-91.38	-77.52	-13.86	17.9
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	161.24	176.77	-15.53	-8.8
	i. Kumpulan Wang Pembangunan	-531.32	-529.30	-2.02	0.4
	ii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	603.22	618.70	-15.48	-2.5
	iii. Kumpulan Wang Amanah Awam	65.13	62.96	2.17	3.4
	iv. Akaun Wang Deposit	24.21	24.41	-0.20	-0.8
	JUMLAH	69.86	99.25	-29.39	-29.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

4.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

5. WANG AWAM

Wang Awam terdiri daripada wang tunai dan pelaburan. Baki wang awam pada akhir tahun 2018 berjumlah RM69.86 juta, iaitu menurun sejumlah RM29.39 juta (29.6%) berbanding pada akhir tahun 2017 yang berjumlah RM99.25 juta. Penurunan ini adalah disebabkan kerajaan negeri tidak memohon pendahuluan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2018 daripada Kerajaan Persekutuan. Kedudukan wang awam bagi akhir tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN WANG AWAM BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai	11.32	59.05	-47.73	-80.8
2.	Pelaburan	58.54	40.20	18.34	45.6
JUMLAH		69.86	99.25	-29.39	-29.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang tunai merupakan sebahagian daripada aset kerajaan negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki wang tunai dalam akaun semasa dan deposit, iaitu simpanan tetap yang disimpan kurang daripada tiga (3) bulan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan serta Wang Tunai Dalam Bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit yang diberi kepada pemegang panjar sebagai pendahuluan perbelanjaan. Kedudukan baki wang Tunai bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN WANG TUNAI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	10.52	57.80	-47.28	-81.8
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.05	0.50	-0.45	-90.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.75	0.75	0	0
JUMLAH		11.32	59.05	-47.73	-80.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

Baki wang tunai tahun 2018

RM11.32 juta

Penurunan tahun 2018

RM47.73 juta

5.1.2. Baki wang tunai menunjukkan penurunan sejumlah RM47.73 juta (80.8%), iaitu daripada RM59.05 juta pada tahun 2017 kepada RM11.32 juta pada tahun 2018. Baki Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan penurunan sejumlah RM47.28 juta (81.8%) berbanding tahun sebelumnya. Baki Wang Tunai Dalam Perjalanan juga menurun sejumlah RM448,165 (90%) manakala Wang Tunai Dalam Tangan menunjukkan tiada perubahan. Penurunan ketara baki Wang Tunai Dalam Bank adalah kerana kerajaan negeri tidak memohon pendahuluan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2018 daripada kerajaan persekutuan. Sebaliknya, kerajaan negeri hanya menggunakan sumber dana yang ada, iaitu mencairkan simpanan tetap bagi menanggung perbelanjaan tahun 2018.

5.2. Pelaburan

5.2.1. Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan 1957 menyatakan kerajaan negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebih wang. Kategori pelaburan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan daripada Kumpulan Wang Amanah adalah selaras dengan Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Amanah dan peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am pula merupakan pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan selain daripada Kumpulan Wang Amanah.

5.2.2. Pada akhir tahun 2018, pelaburan telah meningkat sejumlah RM18.34 juta (45.6%) kepada RM58.54 juta berbanding RM40.20 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini antaranya disebabkan pertambahan simpanan tetap berjumlah RM14 juta. Maklumat terperinci pelaburan kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Simpanan Tetap	34.60	20.60	14.00	68.0
2.	Saham Tersiar Harga	12.44	10.10	2.34	23.2
3.	Portfolio Pengurusan Dana	11.50	9.50	2.00	21.1
JUMLAH		58.54	40.20	18.34	45.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

5.2.3. Analisis pulangan dalam bentuk dividen/faedah daripada pelaburan saham tersiar harga dan simpanan tetap melebihi tiga (3) bulan menunjukkan kadar dividen/faedah yang diperoleh adalah antara 2.7% hingga 4.9% bagi tempoh lima (5) tahun. Perolehan dividen/faedah pada tahun 2018 adalah RM1.86 juta (3.2%). Kedudukan pulangan pelaburan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 6** dan **Carta 2**.

JADUAL 6
KEDUDUKAN PULANGAN PELABURAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

TAHUN	PELABURAN				DIVIDEN/FAEDAH	
	SIMPANAN TETAP	SAHAM TERSIAR HARGA	PORTFOLIO PENGURUSAN DANA	JUMLAH	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)		
2014	10.00*	8.99	0	18.99	0.94	4.9
2015	13.00*	9.09	0	22.09	1.01	4.6
2016	17.10	11.34	0	28.44	1.11	3.9
2017	20.60	10.10	9.50	40.20	1.07	2.7
2018	34.60	12.44	11.50	58.54	1.86	3.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

Nota: (*) - Simpanan tetap tidak termasuk pelaburan Kumpulan Wang Amanah Masjid Negeri Melaka, Tabung Amanah Zoo dan Tabung Amanah Pemugaran

CARTA 2
PELABURAN DAN PULANGAN PELABURAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

5.2.4. Kerajaan negeri memperoleh keuntungan jualan saham berjumlah RM1.86 juta hasil daripada aktiviti jual beli saham tersiar harga pada tahun 2018. Keuntungan jual beli saham tersiar harga bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KEUNTUNGAN JUAL BELI SAHAM TERSIAR HARGA BAGI TAHUN 2018

BIL.	NAMA SAHAM	UNIT	HARGA BELIAN (RM Juta)	HARGA JUALAN (RM Juta)	KEUNTUNGAN (RM Juta)
1.	Tenaga	126,025	0.42	1.96	1.54
2.	Public Bank	19,958	0.13	0.45	0.32
JUMLAH		145,983	0.55	2.41	1.86

Sumber: Daftar Pelaburan Kerajaan Negeri Tahun 2018

Harga jualan saham tahun 2018

RM2.41 juta

Keuntungan jualan saham

RM1.86 juta

5.2.5. Piawaian Perakaunan Kerajaan 6 menghendaki terbitan saham bonus yang diterima diagregatkan bagi mendapatkan kos sesaham. Bagaimanapun, pihak pengurusan tidak mengagregatkan saham bonus dalam pengiraan kos sesaham menyebabkan terdapat perbezaan pengiraan keuntungan jualan saham. Hal ini juga telah menyebabkan Akaun Saham dan Syer Tabung Amanah Melaka (TAM) terlebih nyata sejumlah RM382,856. Perbezaan pengiraan keuntungan saham tersiar harga bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PERBEZAAN PENGIRAAN KEUNTUNGAN SAHAM TERSIAR HARGA BAGI TAHUN 2018

BIL.	NAMA SAHAM	UNIT	KEUNTUNGAN		PERBEZAAN (RM Juta)
			PENGIRAAN OLEH TAM (RM Juta)	PENGIRAAN AUDIT (RM Juta)	
1.	Tenaga	126,025	1.54	1.12	0.42
2.	Public Bank	19,958	0.32	0.36	-0.04
JUMLAH		145,983	1.86	1.48	0.38

Sumber: Penyata Kewangan dan Daftar Pelaburan Kerajaan Negeri Tahun 2018

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Hasil Disatukan bagi tahun kewangan 2018 mencatatkan penurunan defisit semasa berjumlah RM13.86 juta berbanding RM22.81 juta pada tahun 2017. Defisit semasa ini berpunca daripada perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM380.86 juta

melebihi hasil kerajaan negeri berjumlah RM367 juta. Defisit semasa dalam Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2018 telah menyebabkan baki terkumpul defisit Akaun Hasil Disatukan meningkat kepada RM91.38 juta berbanding RM77.52 juta pada tahun 2017. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 9**. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan untuk tempoh lima (5) tahun bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 10** dan **Carta 3**.

JADUAL 9
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-77.52	-54.71	-22.81	41.7
Hasil	367.00	335.33	31.67	9.4
Perbelanjaan Mengurus	380.86	358.14	22.72	6.3
Lebihan/Defisit	-13.86	-22.81	8.95	-39.2
BAKI PADA 31 DISEMBER	-91.38	-77.52	-13.86	17.9


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

JADUAL 10
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	-77.52	-54.71	-78.59	-18.74	34.07
Hasil	367.00	335.33	370.69	248.40	256.32
Perbelanjaan Mengurus	380.86	358.14	346.81	308.25	309.13
Lebihan/Defisit	-13.86	-22.81	23.88	-59.85	-52.81
BAKI PADA 31 DISEMBER	-91.38	-77.52	-54.71	-78.59	-18.74

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

CARTA 3
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

6.1. Hasil

Kutipan hasil sebenar tahun 2018

RM367 juta

Anggaran kutipan hasil tahun 2018

RM373.96 juta

6.1.1. Hasil kerajaan negeri terdiri daripada tiga (3) kategori utama, iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah mencatatkan kutipan hasil berjumlah RM367 juta berbanding anggaran hasil berjumlah RM373.96 juta, iaitu pencapaian sebanyak 98.1%. Kutipan hasil sebenar berbanding anggaran yang diluluskan bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN
YANG DILULUSKAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	KATEGORI HASIL	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Hasil Cukai	153.95	124.93	81.1
2.	Hasil Bukan Cukai	163.40	186.20	114.0
3.	Terimaan Bukan Hasil	56.61	55.87	98.7
JUMLAH		373.96	367.00	98.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

Pengurangan defisit tahun 2018

RM31.67 juta

Kutipan hasil tahun 2017

RM335.33 juta

6.1.2. Secara keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri pada tahun 2018 adalah berjumlah RM367 juta berbanding RM335.33 juta bagi tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
KUTIPAN HASIL BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	124.93	119.67	5.26	4.4
2.	Hasil Bukan Cukai	186.20	174.08	12.12	7.0
3.	Terimaan Bukan Hasil	55.87	41.58	14.29	34.4
JUMLAH		367.00	335.33	31.67	9.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.1.3. Bagi tahun 2018, lima (5) butiran hasil telah mencatatkan peningkatan dan penurunan yang ketara berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 13** dan **Jadual 14**.

JADUAL 13
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA BAGI
TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
HASIL CUKAI						
1.	Royalti Yang Lain	6.22	2.72	3.50	128.7	Perubahan kod kutipan Permit Tanah dan Galian kepada kod Royalti Yang Lain.
HASIL BUKAN CUKAI						
2.	Bayaran Perkhidmatan Yang Lain	20.30	6.05	14.25	235.5	Peningkatan terimaan <i>Earnest Money</i> , bayaran komitmen dan bayaran proses Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) yang melibatkan perjanjian permohonan projek secara penswastaaan oleh empat (4) syarikat tambak laut bersama kerajaan negeri.
3.	Premium Tukar Syarat	6.90	3.30	3.60	109.1	Peningkatan cadangan pembangunan di Daerah Jasin dan Alor Gajah yang menyebabkan pertukaran syarat status tanah pertanian kepada pembangunan. Peningkatan ini juga disebabkan rayuan pengurangan dan penanguhan premium tanah pada tahun 2017 tidak diluluskan dan perlu dibayar pada tahun 2018.
TERIMAAN BUKAN HASIL						
4.	Pemberian Pertumbuhan Hasil Bahagian 1	7.12	0.00	7.12	100.0	Peningkatan hasil kerajaan persekutuan pada tahun 2017 yang membolehkan Pemberian Hasil Bahagian I secara <i>revenue sharing</i> disalurkan pada tahun 2018.
5.	Terimaan Bukan Hasil – Dapatan Balik Wang Tak Dituntut	3.06	0.00	3.06	100.0	Semakan dan pelarasan deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dan setelah tiga (3) bulan diwartakan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA BAGI
TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
HASIL CUKAI						
1.	Cukai Tanah Tahun Pertama	2.23	3.84	-1.61	-41.9	Permohonan pemilikan tanah berkurangan
2.	Cukai Tanah Tunggakan	8.22	9.36	-1.14	-12.2	Pembersihan data bertindih dan kutipan cukai tanah tahun semasa meningkat pada tahun 2017 yang menyebabkan tunggakan cukai 2018 berkurangan.
HASIL BUKAN CUKAI						
3.	Premium Tanah	115.38	121.05	-5.67	-4.7	Projek pembangunan khususnya di Melaka Tengah oleh Pihak Berkuasa Negeri menurun dari tahun 2017.
4.	Permit Tanah Dan Galian	1.44	3.26	-1.82	-55.8	Pertukaran kod perakaunan bagi royalti permit tanah dan galian kepada kod hasil 61899.
5.	Denda dan Rampasan Mahkamah Syariah	0.41	1.55	-1.14	-73.5	Terdapat banyak kes Mahkamah Syariah Negeri Melaka yang telah diputuskan oleh hakim dengan hukuman penjara daripada mengenakan hukuman denda kepada pesalah dan pengurangan kes jenayah yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017


6.1.4. Kedudukan kutipan hasil bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 15** dan **Carta 4**.

JADUAL 15
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	124.93	119.67	125.52	93.98	90.16
2.	Hasil Bukan Cukai	186.20	174.08	186.22	105.80	103.98
3.	Terimaan Bukan Hasil	55.87	41.58	58.95	48.62	62.18
JUMLAH		367.00	335.33	370.69	248.40	256.32

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

**CARTA 4
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

6.1.5. Penyumbang utama hasil kerajaan negeri terdiri daripada Premium Tanah, Cukai Tanah Semasa, Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan, Pemberian Hitung Kepala dan Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM231.76 juta, iaitu 63.1% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2018.

Bagaimanapun, peratus sumbangan ini telah menurun jika dibandingkan dengan peratus sumbangan bagi tahun 2017, iaitu 69.7%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**. Kutipan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

Jumlah kutipan bagi lima (5) penyumbang utama hasil tahun 2018

RM231.76 juta

Kutipan Premium Tanah yang merupakan penyumbang hasil terbesar tahun 2018

RM115.38 juta

**JADUAL 16
PENYUMBANG UTAMA HASIL
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN	2018		2017	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Premium Tanah	115.38	31.4	121.06	36.1
2.	Cukai Tanah Semasa	79.88	21.8	78.53	23.4
3.	Pemberian Hitung Kepala	15.60	4.3	15.48	4.6
4.	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	10.50	2.9	9.82	2.9
5.	Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah	10.40	2.8	8.72	2.6
JUMLAH		231.76	63.1	233.61	69.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

JADUAL 17
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Premium Tanah	115.38	121.06	136.29	56.70	53.18
2.	Cukai Tanah Semasa	79.88	78.53	76.00	68.86	64.99
3.	Pemberian Hitung Kepala	15.60	15.48	15.36	15.25	14.56
4.	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	10.50	9.82	8.88	11.75	13.87
5.	Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah	10.40	8.72	9.17	9.36	10.30
JUMLAH		231.76	233.61	245.70	161.92	156.90

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

6.2. Perbelanjaan Mengurus

Anggaran perbelanjaan tambahan diluluskan tahun 2018

RM28.95 juta

Perbelanjaan tambahan tidak dibelanjakan tahun 2018

RM21.77 juta

6.2.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan dipertanggungjawabkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain dengan perintah mahkamah. Perbelanjaan perbekalan adalah untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian jabatan/kerajaan negeri.

6.2.2. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada lima (5) jenis, iaitu Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan Perbelanjaan Lain. Anggaran asal perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 adalah berjumlah RM373.68 juta dan disemak semula kepada RM402.63 juta. Peningkatan sejumlah RM28.95 juta tersebut merupakan anggaran tambahan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 19 November 2018. Bagaimanapun, RM7.18 juta (24.8%) sahaja yang dibelanjakan daripada anggaran tambahan tersebut. Pada tahun 2018, perbelanjaan mengurus sebenar adalah berjumlah RM380.86 juta yang merupakan 94.6% daripada anggaran perbelanjaan yang telah disemak semula. Perbandingan anggaran perbelanjaan dengan perbelanjaan mengurus sebenar adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PERBANDINGAN ANGGARAN PERBELANJAAN DENGAN PERBELANJAAN MENGRUS SEBENAR BAGI TAHUN 2018

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	ANGGARAN ASAL (RM Juta)	ANGGARAN TAMBAHAN (RM Juta)	ANGGARAN DISEMAK (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Emolumen	108.44	1.00	109.44	106.10	96.9
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	158.13	2.18	160.31	145.53	90.8
3.	Aset	3.22	0.00	3.22	2.48	77.0

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	ANGGARAN ASAL (RM Juta)	ANGGARAN TAMBAHAN (RM Juta)	ANGGARAN DISEMAK (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	100.78	10.80	111.58	108.72	97.4
5.	Perbelanjaan Lain	3.11	14.97	18.08	18.03	99.7
JUMLAH		373.68	28.95	402.63	380.86	94.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

6.2.3. Pada tahun 2018, perbelanjaan mengurus telah meningkat sejumlah RM22.72 juta (6.3%). Punca peningkatan utama perbelanjaan antaranya disebabkan peningkatan terhadap Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap daripada RM89.57 juta pada tahun 2017 kepada RM108.72 juta pada tahun 2018. Selain itu, peningkatan perbelanjaan lain sejumlah RM14.27 juta (379.5%) turut menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan.

Perbelanjaan mengurus tahun 2018
RM380.86 juta

Peningkatan perbelanjaan mengurus tahun 2018
RM22.72 juta

Kedudukan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 mengikut jenis perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	106.10	110.51	-4.41	-4.0
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	145.53	151.10	-5.57	-3.7
3.	Aset	2.48	3.20	-0.72	-22.5
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	108.72	89.57	19.15	21.4
5.	Perbelanjaan Lain	18.03	3.76	14.27	379.5
JUMLAH		380.86	358.14	22.72	6.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.2.4 Pada tahun 2018, sebanyak 12 jabatan telah membuat pindah peruntukan yang berjumlah RM1.19 juta. Namun begitu, jumlah pindah peruntukan tersebut tidak dibelanjakan memandangkan peruntukan sedia ada telah mencukupi. Sejumlah RM7.02 juta sahaja dibelanjakan, iaitu 94.5% berbanding peruntukan asal berjumlah RM7.43 juta tahun 2018.

6.2.5. Seksyen 12(3) Enakmen Ahli Pentadbiran dan Pencen Negeri (Saraan) 1980 menetapkan bayaran pencen dan ganjaran bawah peruntukan Jadual Pertama hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan, iaitu bawah Perbelanjaan Tanggungan. Bagaimanapun, kerajaan negeri telah membuat bayaran ganjaran kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penggal Ke-13 yang

berjumlah RM7.38 juta bawah Perbelanjaan Bekalan. Pembayaran tersebut adalah tidak selaras dengan peraturan yang ditetapkan dalam Enakmen berkenaan.

6.2.6. Analisis Audit mendapati lima (5) jenis perbelanjaan mengurus yang meningkat dengan ketara antara 9.7% hingga 479% pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG KETARA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	TAHUN		PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
PERBELANJAAN LAIN						
1.	Pulangan Balik dan Hapus kira	18.00	3.74	14.26	381.3	Pelarasan ke Akaun Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri Melaka dari Akaun Hasil Disatukan.
PEMBERIAAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP						
2.	Pemberian dalam Negeri	89.58	73.33	16.25	22.2	Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan.
3.	Ganjaran	9.09	1.57	7.52	479.0	Bayaran ganjaran ADUN.
4.	Pencen	7.14	6.51	0.63	9.7	Bayaran pencen ADUN.
EMOLUMEN						
5.	Faedah-faedah Kewangan Yang Lain	2.00	1.45	0.55	37.9	Pelbagai pembayaran termasuk elaun cuti istimewa EXCO, elaun pakaian istiadat dan kemudahan lain.
JUMLAH		125.81	86.60	39.21	45.3	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.2.7. Lima (5) butiran perbelanjaan yang menurun dengan ketara antara 6% hingga 96.6% pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG KETARA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
PEMBERIAAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP						
1.	Tuntutan Insurans dan Pampasan	0.14	4.15	-4.01	-96.6	Tuntutan kes mahkamah berkurangan.
EMOLUMEN						
2.	Elaun Tetap	23.69	25.21	-1.52	-6.0	Pengurangan Elaun Tetap Anggota Pentadbiran disebabkan pemansuhan jawatan Timbalan EXCO di bawah Dewan Undangan Negeri dan pemindahan bayaran gaji guru SABK DG41 ke Jabatan Pendidikan Negeri Melaka.
3.	Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	0.93	2.17	-1.24	-57.1	
4.	Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan	4.96	6.18	-1.22	-19.7	

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN						
5.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	3.11	4.53	-1.42	-31.3	Lawatan ke luar negara berkurangan.
JUMLAH		32.83	42.24	-9.41	-22.3	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.2.8. Pembayaran Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat baki peruntukan tahun sebelumnya mencukupi dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Jika sebab kelewatan pembayaran itu tidak memuaskan, ada keraguan atau peruntukan tidak mencukupi, Pegawai Pengawal perlu mendapatkan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.
- Jumlah pembayaran bawah AP58(a) pada tahun 2018
- RM0.73 juta**
- Bilangan baucar bayaran bawah AP58(a) pada tahun 2018
- 326 baucar bayaran**
- b. Selain itu, Pekeliling Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Bilangan 3 tahun 2017 bertarikh 11 Oktober 2017 mengenai Persediaan Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Tahun 2017 menghendaki Ketua Jabatan memastikan semua bil/invois dibayar segera bagi mengurangkan pembayaran bawah AP58(a). Di samping itu, Pekeliling Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2013 menetapkan tempoh pembayaran bawah AP58(a) adalah dalam tempoh enam (6) bulan selepas tahun kewangan ditutup.
- c. Pada tahun 2018, pembayaran bawah AP58(a) berjumlah RM0.73 juta berbanding RM0.91 juta pada tahun 2017, iaitu menurun sejumlah RM181,833 (19.9%). Kesemua pembayaran bawah AP58(a) dibuat antara bulan Januari hingga Oktober 2018 melibatkan 326 baucar bayaran daripada 15 jabatan. Analisis Audit selanjutnya mendapati sebanyak 44 baucar bayaran berjumlah RM55,426 telah lewat dibayar daripada tempoh yang ditetapkan, iaitu 30 Jun 2018. Pembayaran tersebut merupakan perbelanjaan bagi tahun 2017 kecuali bayaran tunggakan perlindungan insurans kenderaan jabatan di Jabatan Ketua Menteri berjumlah RM5,449, iaitu perbelanjaan bagi tahun 2015 dan 2016.
- d. Secara umumnya, pembayaran bawah AP58(a) terdiri daripada bayaran perkhidmatan perubatan pesara berjumlah RM303,675 (41.5%), bayaran tiket

penerbangan berjumlah RM152,675 (20.9%) dan elaun lebih masa berjumlah RM63,254 (8.7%). Antara sebab pembayaran bawah AP58(a) adalah kerana bil/invois pembekal diterima selepas tarikh akhir penghantaran baucar bayaran, iaitu selepas 22 Disember 2017. Butiran pembayaran bawah AP58(a) pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PEMBAYARAN BAWAH AP58(a) BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	JABATAN	2018		2017	
		BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)	BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri	7	43,856	5	21,617
2.	Dewan Undangan Negeri	49	230,298	50	211,688
3.	Jabatan Ketua Menteri	221	397,662	121	611,657
4.	Jabatan Pertanian	0	0	3	7,546
5.	Pejabat Tanah dan Galian	1	2,627	4	2,980
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	2	3,242	2	7,084
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran	2	379	8	5,766
8.	Jabatan Perhutanan	1	87	7	8,856
9.	Jabatan Kerja Raya	11	15,548	5	4,994
10.	Jabatan Kerja Raya Melaka Tengah	14	7,529	2	395
11.	Jabatan Kerja Raya Jasin	0	0	1	1,381
12.	Jabatan Kerja Raya Mekanikal	2	1,480	1	390
13.	Jabatan Agama Islam	3	13,262	5	11,464
14.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	0	0	3	4,139
15.	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan	8	6,376	44	12,673
16.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1	7,026	0	0
17.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	3	550	0	0
18.	Mahkamah Syariah	1	1,024	1	149
	JUMLAH	326	730,946	262	912,779

Sumber: Data Sistem Perakaunan (SPEKS) Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada kerajaan persekutuan dan pindahan penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pada tahun 2018, baki Akaun Pinjaman Disatukan adalah berbaki sifar disebabkan tiada pinjaman yang dibuat dan diterima pada tahun 2018. Selain itu, kesemua pinjaman yang diterima pada tahun sebelumnya telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terbahagi kepada tiga (3) Kumpulan Wang, iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Akaun ini digunakan untuk

mengakaunkan wang amanah dan digunakan mengikut terma amanah tersebut. Pada akhir tahun 2018, baki Akaun Amanah Disatukan seperti yang dinyatakan di Penyata Kedudukan Kewangan adalah berjumlah RM161.24 juta, menurun sejumlah RM15.53 juta (8.8%) berbanding RM176.77 juta pada tahun 2017. Penurunan akaun amanah ini antaranya disebabkan penurunan sejumlah RM20.74 juta Akaun Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri, iaitu daripada RM393.89 juta pada tahun 2017 kepada RM373.15 juta pada tahun 2018. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

Baki akhir Akaun Amanah
Disatukan tahun 2018

RM161.24 juta

Jumlah penurunan berbanding
baki akhir tahun 2017

RM15.53 juta

JADUAL 23
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH DISATUKAN
BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:	71.90	89.40	-17.5	19.6
- Kumpulan Wang Pembangunan	-531.32	-529.30	-2.02	0.4
- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	603.22	618.70	-15.48	-2.5
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	65.13	62.96	2.17	3.4
iii. Akaun Wang Deposit	24.21	24.41	-0.20	-0.8
JUMLAH	161.24	176.77	-15.53	-8.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Sebahagian Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Pada akhir tahun 2018, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM71.90 juta, menurun sejumlah RM17.50 juta (19.6%) berbanding RM89.40 juta pada tahun 2017.

Baki akhir tahun 2018

RM71.90 juta

Penurunan 19.6% daripada baki
tahun 2017

RM17.50 juta

8.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup dan pinjaman daripada kerajaan persekutuan bagi maksud pembangunan. Kumpulan Wang ini hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan dalam Akta tersebut.

a. Prestasi Kewangan

Defisit semasa tahun 2018

RM2.02 juta

Defisit semasa tahun 2017

RM34.06 juta

- i. Pada akhir tahun 2018, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit tahun semasa berjumlah RM2.02 juta, iaitu menurun 94% jika dibandingkan dengan defisit semasa tahun 2017, iaitu RM34.06 juta. Penurunan defisit semasa ini adalah disebabkan peningkatan ketara terimaan tahun 2018, iaitu RM50.14 juta berbanding terimaan tahun 2017 yang hanya berjumlah RM22.14 juta.
- ii. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 berjumlah RM50.14 juta, iaitu terdiri daripada pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM33 juta dan Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM17.14 juta. Terimaan ini hanya dapat menampung 96.1% perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM52.16 juta. Baki RM2.02 juta (3.9%) ditampung oleh wang tunai menerusi pelbagai terimaan, pelaburan dan akaun amanah.
- iii. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-529.30	-495.24	-34.06	6.9
Terimaan	50.14	22.14	28.00	126.5
Bayaran	52.16	56.20	-4.04	-7.2
Defisit	-2.02	-34.06	32.04	-94.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	-531.32	-529.30	-2.02	0.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- iv. Pekeliling Perbendaharaan PB 2.5 bagi Pindah Peruntukan menyatakan Pegawai Pengawal boleh meluluskan pindah peruntukan daripada suatu butiran (projek) ke butiran (projek lain) di bawah maksud pembangunan yang sama bagi tahun yang berkenaan tidak lebih daripada 50% peruntukan tahunan yang asal. Sebanyak tiga (3) Waran Pindah Peruntukan, iaitu Nombor Waran - W0120001, W0120002 dan W120006 telah diluluskan. Sebanyak tiga (3) waran Pindah Peruntukan tersebut yang berjumlah RM3.50 juta adalah 58.3% daripada jumlah peruntukan asal. Perkara ini tidak selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PB 2.5, iaitu pindahan tidak boleh melebihi 50% daripada peruntukan asal.

Peruntukan asal
RM6 juta

Pindah peruntukan yang
melebihi 50% peruntukan
asal

RM3.50 juta

v. Perbelanjaan Pembangunan Tahun Semasa Berbanding Peruntukan

Pada tahun 2018, sejumlah RM65.05 juta telah diperuntukkan kepada 11 jabatan untuk projek pembangunan Negeri Melaka. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM52.16 juta (80.2%) telah dibelanjakan. Analisis Audit menunjukkan sembilan (9) jabatan telah membelanjakan antara 57.1% hingga 100% daripada peruntukan tahun 2018. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 25**.

Peruntukan belanja
pembangunan tahun 2018
RM65.05 juta

Perbelanjaan pembangunan
tahun 2018

RM52.16 juta

JADUAL 25
STATUS PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018

BIL.	JABATAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan*	0.00	0.00	0
2.	Jabatan Kerja Raya	11.00	6.58	59.8
3.	Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur)	16.23	13.22	81.5
4.	Jabatan Agama Islam	10.00	5.71	57.1
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran	6.25	6.20	99.2
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	6.07	5.85	96.4
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	6.17	5.86	95.0
8.	Pejabat Ketua Menteri Melaka	3.90	3.90	100.0
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	3.43	3.22	93.9
10.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1.00	0.70	70.0
11.	Jabatan Pertanian	1.00	0.92	92.0
JUMLAH		65.05	52.16	80.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

Nota: (*) - Hanya RM20.00 dibuat sebagai token projek bagi JKPNM bagi tahun 2018

b. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK-11 Tahun 2018

i. Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan RMK-11

Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM65.05 juta bagi 239 projek yang telah dirancang seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
PERUNTUKAN DAN BILANGAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 TAHUN 2018

BIL.	JABATAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	BIL. PROJEK
1.	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan*	0.00	0
2.	Jabatan Kerja Raya	11.00	62
3.	Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur)	16.23	45
4.	Jabatan Agama Islam	10.00	16
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran	6.25	29
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	6.07	11
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	6.17	15
8.	Pejabat Ketua Menteri Melaka	3.90	1
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	3.43	8
10.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1.00	28
11.	Jabatan Pertanian	1.00	24
JUMLAH		65.05	239

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

Nota: (*) - Hanya RM20.00 dibuat sebagai token projek bagi JKPNM tahun 2018

ii. Prestasi Pelaksanaan Projek Tahun Semasa

- Pada tahun 2018, sebanyak 239 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, 201 (84.1%) projek telah siap sepenuhnya, sembilan (9) (3.8%) projek sedang dilaksanakan, 23 (9.6%) projek belum mula dan enam (6) (2.5%) projek telah batal. Antara sembilan (9) projek yang masih dalam pelaksanaan adalah Projek Menggali dan Mendalamkan Muara Sungai Melaka, Membina Baru Perpustakaan Desa Lubok China, Membina Baru Perpustakaan Desa Asahan, Membina Dewan Serba Guna DUN Serkam dan Membina SRA Ujung Padang, Masjid Tanah.
- Sebanyak 23 projek yang belum dimulakan adalah terdiri daripada 18 projek Jabatan Kerja Raya dan lima (5) projek Jabatan Agama Islam.


Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 27** dan **Carta 5**.

JADUAL 27
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 TAHUN 2018

BIL.	JABATAN	BILANGAN PROJEK				
		DIRANCANG	SIAP	DALAM PELAKSANAAN	BELUM MULA	BATAL
1.	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan	0	0	0	0	0
2.	Jabatan Kerja Raya	62	42	0	18	2
3.	Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur)	45	42	3	0	0
4.	Jabatan Agama Islam	16	3	0	5	3
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran	29	27	1	0	1
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	11	11	0	0	0
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	15	15	0	0	0
8.	Pejabat Ketua Menteri Melaka	1	1	0	0	0
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	8	8	5	0	0
10.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	28	28	0	0	0
11.	Jabatan Pertanian	24	24	0	0	0
JUMLAH		239	201	9	23	6

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, JKMM

CARTA 5
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 TAHUN 2018



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, JKMM

8.1.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Akaun Amanah Kerajaan. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan telah ditubuhkan bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Wang dalam Kumpulan Wang ini hanya boleh digunakan bagi maksud ianya ditubuhkan. Pada akhir tahun 2018, baki Kumpulan Wang ini menurun sejumlah RM15.46 juta (2.5%) kepada RM603.24 juta berbanding RM618.70 juta pada tahun 2017. Penurunan ini antaranya disebabkan akaun Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Kerajaan Negeri yang menurun sejumlah RM20.74 juta. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	377.74	395.80	-18.06	-4.6
2.	Akaun Pinjaman	13.14	11.65	1.49	12.8
3.	Kumpulan Wang Luar Jangka	11.02	11.02	0	0
4.	Akaun Amanah Kerajaan	201.34	200.23	1.11	0.5
BAKI PADA 31 DISEMBER		603.24	618.70	-15.46	-2.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

a. Akaun Penyelesaian

Merujuk kepada Arahan Perbendaharaan 153, semua urusan Akaun Penyelesaian antara Pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan hendaklah diselesaikan secepat mungkin. Bagi akhir tahun 2018, sebanyak sembilan (9) akaun penyelesaian yang masih belum diselesaikan berjumlah RM377.74 juta seperti dalam **Jadual 29**.

Baki akhir tahun 2018
RM377.74 juta

Jumlah penurunan
berbanding baki akhir
tahun 2017
RM18.06 juta

JADUAL 29
KEDUDUKAN AKAUN PENYELESAIAN YANG BERBAKI
BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	AKAUN PENYELESAIAN	BAKI PADA 31 DISEMBER	
		2018 (RM)	2017 (RM)
1.	Akaun Penyelesaian Data Migrasi 1SPEKS	0.10	0.11
2.	Akaun Penyelesaian Pinjaman Persekutuan - PKNM	3.16	0
3.	Akaun Penyelesaian Pinjaman Persekutuan - SAMB	1.53	0

BIL.	AKAUN PENYELESAIAN	BAKI PADA 31 DISEMBER	
		2018 (RM)	2017 (RM)
4.	Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	0.61	2.29
5.	Akaun Penyelesaian Cek Tak Laku	-0.15	-0.15
6.	Akaun Penyelesaian Pembatalan EFT	0.46	0.92
7.	Pembayaran Pendahuluan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Negeri Melaka	-1.12	-1.26
8.	Kutipan E-Permit Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0*	0*
9.	Pelbagai Potongan	0**	0**
10.	Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri Melaka	373.15	393.89
JUMLAH		377.74	395.80

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

Nota: Baki (-) baki debit

(*) Jumlah baki

- Tahun 2017 = RM137
- Tahun 2018 = RM10

(**) Jumlah baki

- Tahun 2017 = RM160
- Tahun 2018 = RM0

i. Akaun Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri Melaka

Kerajaan negeri telah menerima pendahuluan daripada kerajaan persekutuan sejak tahun 2007 dan diakaunkan ke Akaun Hasil Disatukan. Namun, mulai tahun 2010 pendahuluan tersebut telah diakaunkan ke Akaun Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri Melaka. Sehubungan itu, pendahuluan yang diterima pada tahun 2007 dan 2008 berjumlah RM22.96 juta yang telah diakaunkan ke akaun hasil disatukan perlu dilaraskan ke Akaun Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri Melaka secara berperingkat. Sehingga akhir tahun 2018, hanya sejumlah RM18.96 juta telah dilaraskan ke akaun tersebut manakala sejumlah RM4 juta masih dilaraskan. Kedudukan baki Pendahuluan Khas daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 6**.

**CARTA 6
KEDUDUKAN BAKI PENDAHULUAN DARIPADA
KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

b. Akaun Pinjaman

Akaun Pinjaman terdiri daripada enam (6) Kumpulan Wang Pinjaman, iaitu Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (ADUN), Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan (ADUN dan Awam), Kumpulan Wang Pendahuluan Diri, Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai, Kumpulan Wang Pinjaman Komputer dan Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun.

i. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (ADUN), Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan (ADUN dan Awam) dan Kumpulan Wang Pinjaman Komputer

Pada akhir tahun 2018, baki bagi Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (ADUN), Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan (ADUN dan Awam) dan Kumpulan Wang Pinjaman Komputer adalah berjumlah RM4.95 juta. Bagaimanapun, baki individu untuk keseluruhan ketiga-tiga kumpulan wang tersebut menunjukkan jumlah RM4.72 juta menyebabkan wujud perbezaan baki berjumlah RM231,020. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
PERBEZAAN DI ANTARA BAKI KUMPULAN WANG PERUMAHAN (ADUN), PINJAMAN KENDERAAN (ADUN dan AWAM) DAN PINJAMAN KOMPUTER DENGAN BAKI DI PENYATA KEWANGAN

BIL.	KUMPULAN WANG PINJAMAN	BAKI		PERBEZAAN (RM Juta)
		SENARAI INDIVIDU PINJAMAN (RM Juta)	PENYATA KEWANGAN (RM Juta)	
1.	Perumahan (ADUN)	2.70	2.79	0.09
2.	Kenderaan (ADUN dan Awam)	1.05	1.19	0.14
3.	Komputer	0.97	0.97	0.00*
JUMLAH		4.72	4.95	0.23

Sumber: Senarai Baki Individu Pinjaman dan Penyata Kewangan kerajaan negeri Bagi Tahun 2018

Nota: (*) - RM62.36

ii. Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun

Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan Wang ini telah digunakan untuk memperakaunkan pinjaman yang diberi kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri daripada sumber negeri. Pada tahun 2018, pinjaman terkumpul kepada agensi/syarikat kerajaan negeri berjumlah RM149.64 juta daripada had pusingan akaun RM158.23 juta. Pada tahun 2018, pinjaman telah diberikan kepada satu (1) syarikat kerajaan negeri berjumlah RM2 juta bagi menampung kos-kos perbelanjaan operasi bas henti-henti seperti sewaan, penyenggaraan dan lain-lain pemiutang yang tertunggak dari bulan Oktober 2017 hingga Februari 2018. Kedudukan Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PINJAMAN BADAN BERKANUN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	6.77	10.31	-3.54	-34.3
Penerimaan	3.86	15.43	-11.57	-75.0
Pengeluaran	2.04*	18.97	-16.93	-89.2
BAKI PADA 31 DISEMBER	8.59	6.77	1.82	26.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

Nota: (*) - Pinjaman sebenar kepada syarikat kerajaan negeri berjumlah RM2 juta, manakala pelarasan kesilapan kod transaksi berjumlah RM0.04 juta

c. Kumpulan Wang Luar Jangka

Menurut Seksyen 11, Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Artikel 103 Perlembagaan Persekutuan, Kumpulan Wang Luar Jangka hendaklah digunakan oleh Menteri yang bertanggungjawab untuk membuat pendahuluan bagi keperluan perbelanjaan segera dan luar jangka dan apabila tiada apa-apa peruntukan lain bagi perbelanjaan tersebut. Pada akhir tahun 2018, Kumpulan Wang ini kekal berbaki sejumlah RM11.02 juta seperti akhir tahun 2017 tanpa sebarang transaksi.

d. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan

i. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan ditubuhkan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan di bawah Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyelenggaraan jalan raya negeri. Panjang jalan raya negeri yang didaftarkan pada akhir tahun 2018 adalah sepanjang 5,789.146 kilometer berbanding 4,623.66 kilometer pada tahun 2017.

Terimaan yang diakaunkan

RM196.45 juta

Jumlah peningkatan baki kumpulan wang amanah tahun 2018

RM2.66 juta

ii. Pada awal tahun 2018, sejumlah RM196.45 juta terimaan telah diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang ini. Sejumlah RM95.37 juta daripadanya merupakan pemberian oleh Kerajaan Persekutuan, manakala RM101.08 juta lagi adalah pelarasan deposit yang diterima daripada projek penyelenggaraan jalan. Baki akhir tahun 2018 Kumpulan

Wang ini meningkat sejumlah RM2.66 juta (18.1%) kepada RM17.39 juta pada tahun 2018 berbanding RM14.73 juta pada tahun 2017. Sejumlah RM193.79 juta (98.6%) telah dibelanjakan pada tahun 2018. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	14.73	26.38	-11.65	-44.2
Terimaan	196.45	92.59	103.86	112.2
Bayaran	193.79	104.24	89.55	85.9
BAKI PADA 31 DISEMBER	17.39	14.73	2.66	18.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- iii. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu dari tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PENGGUNAAN (%)
2018	14.73	196.45	193.79	17.39	98.6
2017	26.38	92.59	104.24	14.73	112.6
2016	31.87	89.96	95.45	26.38	106.1
2015	38.84	85.10	92.07	31.87	108.2
2014	34.64	81.93	77.73	38.84	94.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

e. Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka

- i. Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka (KWATAM) ditubuhkan di bawah Enakmen Tabung Amanah Melaka 1994 dan Pindaan 2003. Tujuan utama penubuhan kumpulan wang ini adalah bagi membuat dan memantau pelaburan Kerajaan Negeri Melaka. Pelaburan yang dibuat adalah merupakan saham tersiar harga, saham tidak tersiar harga, simpanan tetap dan hartanah. Pada awal penubuhannya, kumpulan wang ini menerima sumbangan daripada kerajaan negeri, agensi negeri dan syarikat.
- ii. Pada akhir tahun 2018, Kumpulan Wang ini menunjukkan baki berjumlah RM103.52 juta, iaitu menurun sejumlah RM3.47 juta (3.2%) berbanding tahun 2017 yang menunjukkan baki berjumlah RM106.99 juta. Pada akhir tahun 2018, kumpulan wang ini merekodkan terimaan sejumlah RM13.12 juta di mana sejumlah RM5.22 juta (39.8%) daripada jumlah tersebut merupakan terimaan sewaan.
- iii. Kumpulan wang ini mempunyai Akaun Belum Terima berjumlah RM13.17 juta. Bagaimanapun, jumlah tersebut tidak diambil kira dalam Nota Akaun Belum Terima bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang berakhir pada 31 Disember 2018. Antara penyumbang terbesar Akaun Belum Terima Kumpulan Wang ini adalah tunggakan sewa daripada syarikat kerajaan negeri berjumlah RM7.20 juta dan subsidiari kepada syarikat kerajaan negeri berjumlah RM6.64 juta.

- iv. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
TABUNG AMANAH MELAKA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	106.99	99.72	7.27	7.3
Terimaan	13.12	21.06	-7.94	-37.7
Bayaran	16.59	13.79	2.8	20.3
BAKI PADA 31 DISEMBER	103.52	106.99	-3.47	-3.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

f. Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Asnaf dan Biasa

- i. Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka ditubuhkan bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan utama penubuhan Kumpulan Wang ini adalah untuk memberi bantuan, pinjaman dan biasiswa pendidikan serta perbelanjaan lain yang berkaitan kepada anak Melaka. Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) merupakan salah satu Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Jabatan Ketua Menteri Melaka yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penyelenggaraan rekod berkaitan transaksi terimaan dan bayaran Kumpulan Wang ini.

Jumlah terimaan Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Asnaf pada tahun 2018

RM5.66 juta

Jumlah bayaran Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Asnaf pada tahun 2018

RM10.20 juta

- ii. Pada akhir tahun 2018, Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Asnaf berbaki RM236,038. Terimaan Kumpulan Wang ini pada tahun 2018 berjumlah RM5.66 juta yang terdiri daripada sumbangan daripada Majlis Agama Islam Melaka berjumlah RM5.40 juta dan lain-lain terimaan berjumlah RM254,972. Perbelanjaan Kumpulan Wang ini pada tahun 2018 berjumlah RM10.20 juta. Antara perbelanjaan Kumpulan Wang ini adalah pemberian pinjaman wang pengajian tinggi berjumlah RM5.52 juta, pemberian biasiswa berjumlah RM2.30 juta dan bantuan kepada institut pengajian tinggi berjumlah RM1.60 juta.
- iii. Pada akhir tahun 2018, Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Biasa berbaki RM0.61 juta. Terimaan Kumpulan Wang ini berjumlah RM10.26 juta yang terdiri daripada sumbangan kerajaan negeri dan agensi negeri berjumlah RM5 juta, bayaran balik pinjaman

berjumlah RM5 juta dan lain-lain terimaan berjumlah RM258,883. Perbelanjaan Kumpulan Wang ini berjumlah RM9.87 juta. Antara perbelanjaan Kumpulan Wang ini adalah pemberian pinjaman pelajaran pengajian tinggi berjumlah RM3.93 juta, pemberian biasiswa berjumlah RM2.60 juta, bantuan pakaian sekolah berjumlah RM0.79 juta dan lain-lain perbelanjaan berjumlah RM2.08 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Asnaf dan Biasa bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
TABUNG AMANAH PENDIDIKAN NEGERI MELAKA - ASNAF
DAN BIASA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BUTIRAN	KUMPULAN WANG AMANAH TABUNG AMANAH PENDIDIKAN NEGERI MELAKA							
	ASNAF (58027)				BIASA (58028)			
	TAHUN		PERUBAHAN		TAHUN		PERUBAHAN	
	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	4.78	3.02	1.76	58.3	0.22	1.73	-1.51	-87.3
Terimaan	5.66	6.24	-0.58	-9.3	10.26	12.03	-1.77	-14.7
Bayaran	10.20	4.48	5.72	127.7	9.87	13.54	-3.67	-27.1
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.24	4.78	-4.54	-95.0	0.61	0.22	0.39	177.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- iv. Analisis Audit terhadap data SPEKS tahun 2018 mendapati 28 baucar bayaran yang tidak sah melibatkan 82 pembayaran biasiswa pelajar sekolah menengah bagi tahun 2018 yang berjumlah RM1.62 juta. Nombor akaun sekolah yang dinyatakan dalam baucar bayaran SPEKS tersebut adalah merupakan nombor akaun bank individu dan akaun bank syarikat. Butiran maklumat bayaran yang tidak sah tersebut adalah seperti dalam **Jadual 36**.

Jumlah baucar bayaran yang tidak sah

28 baucar bayaran

Jumlah bayaran biasiswa pelajar sekolah menengah dimasukkan ke akaun bank individu pada tahun 2018

RM1.62 juta

JADUAL 36
BAYARAN BIASISWA PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DIMASUKKAN KE
AKAUN BANK INDIVIDU BAGI TAHUN 2018

KUMPULAN WANG AMANAH TABUNG AMANAH PENDIDIKAN NEGERI MELAKA	BIL. BAUCAR	BIL. PEMBAYARAN	JUMLAH (RM Juta)
Asnaf	14	29	0.87
Biasa	14	53	0.75
JUMLAH	28	82	1.62

Sumber: Data SPEKS Tahun 2018

- v. Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEN), Jabatan Ketua Menteri telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada 8 Januari 2019 dan laporan polis pada 16 Mei 2019. Laporan awal telah dikemukakan kepada YB. Setiausaha Kerajaan Negeri pada 23 Mei 2019. Bagaimanapun, sehingga 20 Ogos 2019, laporan akhir masih belum dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri.

8.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

Baki akhir tahun 2018

RM65.13 juta

Meningkat 3.4% daripada baki tahun 2017

RM2.17 juta

Kumpulan Wang Amanah Awam diwujudkan mengikut Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 bertujuan mengakaunkan sumbangan wang daripada mana-mana badan atau orang perseorangan yang diamanahkan kepada Kerajaan. Pengurusan akaun ini tertakluk kepada Arahan Amanah atau Surat Ikatan Amanah. Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP 10.4 juga adalah berkaitan. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada 11 Akaun Amanah termasuk satu (1) akaun amanah yang telah ditutup pada akhir tahun 2018, iaitu Akaun Amanah Projek Berasaskan Kayu. Berdasarkan Penyata Kewangan tahun 2018, baki Kumpulan Wang Amanah ini meningkat sejumlah RM2.17 juta (3.4%) kepada RM65.13 juta berbanding RM62.96 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh dua (2) akaun amanah, iaitu Tabung Amanah Kebajikan Nelayan Daerah Melaka Tengah dan Akaun Amanah Caj Warisan mencatatkan peningkatan yang ketara berjumlah RM2.53 juta dan RM2.17 juta.

a. Akaun Amanah Am Negeri Melaka

Jumlah terimaan bagi tahun 2018

RM13.01 juta

Jumlah bayaran yang dibuat bagi tahun 2018

RM17.18 juta

Akaun Amanah Am Negeri Melaka telah ditubuhkan pada tahun 2004 dan Pegawai Pengawal bagi akaun amanah ini adalah YB. Setiausaha Kerajaan Negeri. Terimaan akaun amanah ini pada tahun 2018 adalah berjumlah RM13.01 juta yang antaranya terdiri daripada sumbangan daripada agensi kerajaan, syarikat kerajaan negeri, pihak swasta dan orang perseorangan. Bayaran yang dibuat pada tahun 2018 berjumlah RM17.18 juta yang antaranya terdiri daripada bayaran kepada pengurusan bola sepak Melaka United Sport Association (MUSA) berjumlah RM3.92 juta, program pembaikan rumah golongan kurang mampu berjumlah RM2.71 juta dan Projek Perkampungan Nelayan Kuala Sungai Baru berjumlah RM3.21 juta. Kedudukan Akaun Amanah Am Negeri Melaka bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH AM NEGERI MELAKA
BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	11.01	7.73	3.28	42.4
Terimaan	13.01	22.48	-9.47	-42.1
Bayaran	17.18	19.20	-2.02	-10.5
BAKI PADA 31 DISEMBER	6.84	11.01	-4.17	-37.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

b. Akaun Amanah Berasaskan Kayu

- i. Akaun Amanah Berasaskan Kayu telah ditubuhkan pada bulan Julai 2008 dengan tujuan menerima wang daripada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) bagi projek penanaman pokok spesies hutan dan melaksanakan projek pembangunan berasaskan kayu.
- ii. Baki akhir pada 30 November 2018 telah berbaki sifar dan akaun ini telah ditutup kerana ianya tidak diperlukan lagi selaras dengan Arahan Perbendaharaan 155 dan Arahan Amanah. Penyata ini juga telah disahkan oleh pihak Audit pada 16 Januari 2019.

8.3. Akaun Deposit

- a. Deposit merupakan wang yang diterima bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan apabila selesai maksudnya. Pada akhir tahun 2018, kerajaan negeri mempunyai 16 jenis akaun deposit yang diselenggarakan oleh 13 jabatan berjumlah RM24.21 juta, iaitu menurun sejumlah RM194,264 (0.8%) berbanding RM24.41 juta pada tahun 2017. Kedudukan baki deposit pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
KEDUDUKAN BAKI AKAUN DEPOSIT BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	DEPOSIT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am Jabatan Negeri	1.28	2.81	-1.53	-54.4
2.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	19.06	15.94	3.12	19.6
3.	Lain-lain Deposit	3.87	5.66	-1.79	-31.6
	BAKI PADA 31 DISEMBER	24.21	24.41	-0.20	-0.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- b. Bagi tahun 2018, terdapat perbezaan baki sejumlah RM0.66 juta antara Senarai Baki Akaun Deposit di Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dengan Baki Deposit Perseorangan. Perbezaan tersebut disebabkan Pusat Tanggungjawab di jabatan tidak mengemas kini Senarai Baki Deposit yang melibatkan lapan (8) daripada 16 Akaun Deposit seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
PERBEZAAN ANTARA SENARAI BAKI AKAUN DEPOSIT DI PENYATA KEWANGAN
DENGAN BAKI DEPOSIT PERSEORANGAN

BIL.	NAMA AKAUN	BAKI AKAUN DEPOSIT DI PENYATA KEWANGAN/LEJAR (RM Juta)	BAKI SENARAI DEPOSIT PERSEORANGAN (RM Juta)	PERBEZAAN TERKURANG/ (TERLEBIH) NYATA DI PENYATA KEWANGAN (RM Juta)
1.	Akaun Deposit Am Jabatan Negeri	0.84	0.39	0.45
2.	Akaun Cagaran	0.53	0.30	0.23
3.	Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	16.64	16.68	-0.04
4.	Akaun Deposit Tanah	0.03	0.04	-0.01
5.	Akaun Deposit Bon Mahkamah Syariah	0.03	0.03	0.00*
6.	Akaun Deposit Sistem Kultur Laut	0.02	0.02	0.00**
7.	Akaun Deposit Sewa Rumah Kos Rendah	0.04	0.00	0.04
8.	Akaun Deposit Jaminan Pejabat Daerah Jasin	0.07	0.08	-0.01
JUMLAH		18.20	17.54	0.66


Sumber: Senarai Baki Deposit Perseorangan dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018

Nota: (*) - Akaun Deposit Bon Mahkamah Syariah = RM100.00

(**) - Akaun Deposit Sistem Kultur Laut = RM10.00

- c. Kedudukan baki akaun deposit bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu dari tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 7**.

CARTA 7
KEDUDUKAN BAKI AKAUN DEPOSIT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan, manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Awam dan Jaminan Berkanun.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

Penyata Pinjaman Boleh Dituntut ialah penyata yang menunjukkan pinjaman yang diberi oleh kerajaan negeri kepada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat bagi melaksanakan sesuatu projek atau program. Sumber dana bagi pinjaman ini adalah daripada kerajaan negeri dan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2018, baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM7.32 juta (1.6%) kepada RM463.40 juta berbanding RM470.72 juta bagi tahun 2017. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 40**.

Baki pinjaman boleh tuntutan tahun 2018

RM463.40 juta

Penurunan pinjaman boleh tuntutan bagi tahun 2018

RM7.31 juta

JADUAL 40
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	AGENSI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pihak Berkuasa Tempatan	1.81	2.15	-0.34	-15.8
2.	Badan Berkanun Negeri	211.73	219.95	-8.22	-3.7
3.	Syarikat	249.86	248.62	1.24	0.5
JUMLAH		463.40	470.72	-7.32	-1.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan yang ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum adalah pelaburan modal yang telah dikenakan kepada Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan dan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan kerajaan negeri terdiri daripada pelaburan dalam Saham Tidak Tersiar Harga melalui Kumpulan Wang Amanah Perbadanan Ketua Menteri dan pelaburan hartanah oleh Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka berjumlah RM88.53 juta. Pelaburan ini menurun sejumlah RM45.95 juta (34.2%) pada tahun 2018 berbanding RM134.48 juta pada tahun 2017.

9.2.2. Penurunan ini antaranya adalah disebabkan oleh perpindahan saham tidak tersiar harga berjumlah RM45.85 juta yang dilabur dalam 11 syarikat melalui Kumpulan Wang Amanah Perbadanan Ketua Menteri Melaka kepada Perbadanan Ketua Menteri Melaka. Perbadanan Ketua Menteri Melaka telah ditubuhkan melalui Enakmen Ketua Menteri Melaka (Pemerbadanan) 1993.

9.2.3. Kedudukan pelaburan kerajaan negeri bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
KEDUDUKAN PELABURAN
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	JENIS PELABURAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Saham Tidak Tersiar Harga	27.08	73.03	-45.95	-62.9
2.	Hartanah	61.45	61.45	0	0
JUMLAH		88.53	134.48	-45.95	-34.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2018

9.2.4. Kedudukan pelaburan kerajaan negeri bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu dari tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 8**.

CARTA 8
KEDUDUKAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

9.2.5. Pelaburan Saham Tidak Tersiar Harga

- i. Pada tahun 2018, nilai pelaburan saham tidak tersiar harga kerajaan negeri dalam enam (6) buah syarikat adalah berjumlah RM27.08 juta. Satu (1) daripada enam (6) syarikat mengisytiharkan dividen untuk tahun kewangan 2017, iaitu Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. Empat (4) syarikat mengalami kerugian dan satu (1) syarikat tidak mengemukakan maklumat penyata kewangan. Syarikat Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd. pula telah memberi pulangan dalam bentuk sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Tabung Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) yang berjumlah RM150,000 pada tahun 2018. Pelaburan saham tidak tersiar harga kerajaan negeri bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu dari tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 42** dan **Carta 9**.


JADUAL 42
KEDUDUKAN PELABURAN SAHAM TIDAK TERSIAR
HARGA KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

BIL.	PELABURAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
TABUNG AMANAH MELAKA						
1.	Melaka Invest Berhad	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
2.	Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.	0.60	0.60	0.60	0.60	0.60
3.	Teknologi Pembuatan Melaka Sdn. Bhd.	0	0	0.10	0.10	0.10
4.	Akademi Kemahiran Melaka Sdn. Bhd.	0	0.10	0.10	0.10	0.10
5.	Syarikat Pengurusan Rumah Pangsa Negeri Melaka Sdn. Bhd.	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
6.	Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd.	6.00	6.00	6.00	6.00	0
PERBADANAN KETUA MENTERI						
7.	Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd.	18.68	20.31	18.68	18.68	18.68
8.	Pemasaran Melaka Sdn. Bhd.	0.15	0.15	0.15	0.15	0.15
9.	KMA Tourist Digital Mall Sdn. Bhd.	0	0	0.31	0.31	0.31
10.	Melaka Golf Resort	0	0.80	0.80	0.80	0.80
11.	Kumpulan Melaka Berhad	0	16.00	16.00	16.00	16.00
12.	Hartanah Bumiputera Melaka Sdn. Bhd.	0	2.10	2.10	2.10	2.10
13.	MITC Bowlplex Sdn. Bhd.	0	0	2.45	2.45	2.45
14.	Syarikat Air Melaka Berhad	0	14.00	14.00	14.00	14.00
15.	DMDI Finance House Sdn. Bhd.	0	10.00	10.00	10.00	10.00
16.	Planetarium Melaka Sdn. Bhd.	0.15	0.45	0.45	0.45	0.45
17.	Melaka Hari Ini Sdn. Bhd.	0	0.10	0.10	0.10	0.10
18.	Marble Valley Two Sdn. Bhd.	0	0.05	0.05	0.05	0.05

BIL.	PELABURAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
19.	Melaka World Heritage Sdn. Bhd.	0	0.05	0.05	0.05	0.05
20.	Panorama Sdn. Bhd.	0	0.82	0	0	0
JUMLAH		27.08	73.03	73.44	73.44	67.44

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

CARTA 9
PELABURAN SAHAM TIDAK TERSIAR
HARGA KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

Pelaburan saham tidak tersiar harga kerajaan negeri dalam enam (6) buah syarikat

RM27.08 juta

Jumlah syarikat mengalami kerugian

4 syarikat

ii. Pelaburan dalam Syarikat Akademi Kemahiran Melaka Sdn. Bhd. berjumlah RM100,000 telah dikeluarkan daripada senarai pelaburan dalam Penyata Akaun Memorandum bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018. Tiada bukti menunjukkan bahawa syarikat tersebut telah dibubarkan atau penjualan syarikat tersebut kepada pihak lain. Maklumat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bertarikh 5 April 2019 mengesahkan syarikat berkenaan masih wujud dengan pengangan saham berjumlah RM100,000.

9.2.6. Pelaburan Hartanah

i. Pada tahun 2018, pelaburan hartanah kerajaan negeri adalah berjumlah RM61.45 juta yang terdiri daripada dua (2) lot tanah dan empat (4) bangunan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka. Sejumlah RM5.08 juta pulangan hasil daripada pelaburan hartanah telah diperoleh pada tahun 2018. Pulangan yang diterima merupakan sewa bangunan dan pajakan tanah yang diakaunkan ke Kumpulan Wang Amanah Tabung

Amanah Melaka. Maklumat terperinci pelaburan hartanah dan pulangan daripada pelaburan bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 43**.

JADUAL 43
PELABURAN HARTANAH DAN PULANGAN PELABURAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	JENIS HARTANAH	NILAI PELABURAN (RM Juta)	PULANGAN PELABURAN	
			(RM Juta)	(%)
1.	Tanah Lot 125, 129 dan 130, Kawasan Bandar XX, Melaka	2.18	0.39	17.9
2.	Tanah Lot 278 dan 279, Kawasan Bandar XX, Melaka	1.74	0.25	14.4
3.	Bangunan Putra Specialist Hospital (Melaka)	39.65	4.16	10.5
4.	Menara PERTAM	17.00	0.21	1.2
5.	2 Lot Bangunan Pejabat Kota Cemerlang	0.88	0.07	8.0
JUMLAH		61.45	5.08	8.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

- ii. Analisis pulangan ke atas pelaburan hartanah bagi tempoh lima (5) tahun menunjukkan pulangan tertinggi adalah diperoleh pada tahun 2014, iaitu dengan kadar pulangan 8.7% dan terendah adalah direkodkan bagi tahun 2017, iaitu 5.7% seperti dalam **Jadual 44**.

Pelaburan hartanah semasa
RM61.45 juta

Pulangan pelaburan tahun
2018
RM5.08 juta

JADUAL 44
PELABURAN HARTANAH BERBANDING
PULANGAN YANG DITERIMA BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

TAHUN	NILAI PELABURAN (RM Juta)	PULANGAN PELABURAN	
		(RM Juta)	(%)
2018	61.45	5.08	8.3
2017	61.45	3.52	5.7
2016	69.92	4.00	5.7
2015	69.04	4.64	6.7
2014	69.04	6.03	8.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

9.3. Hutang Awam

9.3.1. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Kerajaan negeri tidak mengambil pinjaman baharu daripada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2014 hingga 2018. Pada akhir tahun 2018, baki Hutang Awam menurun sejumlah RM3.60 juta kepada RM839.69 juta berbanding RM843.29 juta pada tahun 2017. Punca penurunan Hutang Awam adalah disebabkan Kerajaan Negeri Melaka telah membuat bayaran balik Hutang Awam berjumlah RM3.60 juta, iaitu sejumlah RM0.36 juta bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah, sejumlah RM2.49 juta bagi Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan sejumlah RM0.75 juta bagi

Pelbagai Projek. Kedudukan Hutang Awam bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 45**.

JADUAL 45
KEDUDUKAN HUTANG AWAM BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

TUJUAN PINJAMAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Projek Bekalan Air	145.19	145.19	0	0
Projek Perumahan Awam Kos Rendah	91.05	91.41	-0.36	-0.4
Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	207.40	209.89	-2.49	-1.2
Pelbagai Projek	396.05	396.80	-0.75	-0.2
JUMLAH	839.69	843.29	-3.60	-0.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.3.2. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam

Trend baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu daripada tahun 2014 hingga 2018 menunjukkan peningkatan setiap tahun. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah membuat bayaran balik Hutang Awam sejumlah RM4.66 juta daripada RM61.35 juta yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan Persekutuan. Ini menyebabkan tunggakan terkumpul bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2018 meningkat sejumlah RM56.69 juta kepada RM516.67 juta berbanding RM459.98 juta pada tahun 2017. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi akhir tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 46**.

JADUAL 46
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG AWAM
BAGI 31 DISEMBER 2018

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	TUNGGAKAN ANSURAN 01.01.2018 (RM Juta) A	ANUITI 2018 (RM Juta) B	JUMLAH PATUT DIJELASKAN SEHINGGA 2018 (RM Juta) C	BAYARAN BALIK 2018 (RM Juta) D	TUNGGAKAN ANSURAN 31.12.2018 (RM Juta) E
1.	Projek Bekalan Air	34.67	7.25	41.92	0	41.92
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	64.64	6.75	71.39	0.74	70.65
3.	Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	111.44	25.89	137.33	3.16	134.17
4.	Pelbagai Projek	249.23	21.46	270.69	0.76	269.93
	JUMLAH	459.98	61.35	521.33	4.66	516.67

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

9.3.3. Baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam bagi tahun 2014 hingga 2018 meningkat setiap tahun. Peningkatan ini disebabkan kerajaan negeri tidak membuat

bayaran mengikut jadual bayaran yang sepatutnya. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 47**.

JADUAL 47
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG AWAM
BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Projek Bekalan Air	41.92	34.67	27.41	20.15	12.89
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	70.65	64.64	58.71	52.65	45.91
3.	Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	134.17	111.44	91.61	62.88	44.65
4.	Pelbagai Projek	269.93	249.23	227.30	195.32	161.63
JUMLAH		516.67	459.98	405.03	331.00	265.08

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

9.3.4. Hutang Awam Yang Telah Tamat Tempoh Bayaran Balik

Pada akhir tahun 2018, terdapat 13 pinjaman yang telah tamat tempoh bayaran balik yang masih mempunyai tunggakan berjumlah RM134.85 juta. Sebanyak dua (2) pinjaman Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka adalah pinjaman yang telah tamat tempoh paling lama, iaitu Pinjaman Penjadualan Semula Pinjaman (Bayaran Balik Tunggakan Pinjaman) dan Pinjaman Projek Industri Kecil dan Sederhana Serkam Fasa I dengan jumlah tunggakan masing-masing berjumlah RM4.02 juta dan RM3.06 juta. Kedua-dua pinjaman tersebut sepatutnya dilunaskan pada tahun 2007. Ini adalah disebabkan kerajaan negeri tidak membuat bayaran balik Hutang Awam mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan oleh kerajaan persekutuan. Kedudukan tunggakan Hutang Awam yang telah tamat tempoh bayaran balik sehingga akhir tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 48**.

JADUAL 48
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HUTANG AWAM YANG TELAH TAMAT TEMPOH
BAYARAN BALIK SEHINGGA AKHIR TAHUN 2018

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	TARIKH TAMAT TEMPOH BAYARAN BALIK	TUNGGAKAN ANSURAN PADA 31.12.2018 (RM Juta)
PROJEK PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA			
1.	Penjadualan Semula Pinjaman: Bayaran Balik Tunggakan Pinjaman	30.11.2007	4.02
2.	Projek Industri Kecil dan Sederhana Serkam Fasa I	13.12.2007	3.06
3.	Projek Medan Selera Melaka Sentral	26.12.2014	2.00
4.	Projek Industri Kecil dan Sederhana Air Panas Fasa II	28.12.2015	1.15
5.	Projek Industri Kecil dan Sederhana Pulau Sebang Fasa II	28.12.2015	0.76
6.	Projek Kawasan Perindustrian Serkam Fasa II	28.12.2017	3.33

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	TARIKH TAMAT TEMPOH BAYARAN BALIK	TUNGGAKAN ANSURAN PADA 31.12.2018 (RM Juta)
PROJEK PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA			
7.	Penjadualan Semula Pinjaman: Bayaran Balik Baki Pinjaman	30.11.2017	6.41
PELBAGAI PROJEK			
8.	Kompleks Sukan Negeri Melaka, Stadium Hang Jebat Melaka (Tambahan II)	08.09.2015	12.38
9.	Kompleks Sukan Negeri Melaka, Stadium Hang Jebat Melaka	25.09.2016	66.58
10.	Kompleks Sukan Negeri Melaka, Stadium Hang Jebat Melaka (Tambahan)	17.07.2016	9.86
11.	Pengambilan Balik Tanah untuk Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka	22.12.2016	10.80
12.	Projek Menaik Taraf Kompleks Medan Portugis, Ujong Pasir, Melaka	15.12.2017	11.75
13.	Projek Residensi TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	23.12.2018	2.75
JUMLAH			134.85

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

9.3.5. Bayaran Balik Hutang Awam Bagi Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM)

- i. Kerajaan negeri ada membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi pihak PKNM untuk pelbagai projek. Apabila permohonan pinjaman diluluskan, Kementerian Kewangan akan menyalurkan pinjaman tersebut kepada kerajaan negeri sebelum disalurkan oleh kerajaan negeri kepada PKNM. PKNM akan membuat bayaran balik pinjaman tersebut melalui kerajaan negeri.
- ii. Pada tahun 2018, Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut (Sumber Persekutuan) dan Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam mencatatkan baki pinjaman pokok PKNM kepada kerajaan negeri berjumlah RM170.21 juta manakala baki pinjaman pokok kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan bagi Pinjaman Projek PKNM pula berjumlah RM207.40 juta. Perbezaan ini menunjukkan sejumlah RM37.19 juta bayaran balik pinjaman (pokok) yang dibuat oleh PKNM masih lagi dipegang oleh kerajaan negeri sehingga 31 Disember 2018.

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan

dan Pembayaran Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan cukai tanah, denda lewat hasil tanah, sewaan dan lain-lain hasil. Pada tahun 2018, Akaun Belum Terima kerajaan negeri adalah berjumlah RM50.12 juta, iaitu menurun sejumlah RM6.50 juta berbanding RM56.62 juta pada tahun 2017. Penurunan ini antaranya disebabkan penurunan tunggakan cukai tanah dan denda lewat hasil tanah pada tahun 2018. Kedudukan Akaun Belum Terima bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 49**.

JADUAL 49
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	21.76	24.88	-3.12	-12.5
2.	Denda Lewat Hasil Tanah	19.13	19.27	-0.14	-0.7
3.	Sewaan	1.36	1.39	-0.03	-2.2
4.	Lain-lain Hasil	7.87	11.08	-3.21	-29.0
JUMLAH		50.12	56.62	-6.50	-11.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

10.1.2. Analisis Audit mendapati Akaun Belum Terima bagi hasil cukai tanah dan denda lewat hasil tanah menyumbang sejumlah RM40.89 juta, iaitu 81.6% daripada keseluruhan Akaun Belum Terima. Tunggakan hasil cukai tanah dan denda lewat hasil tanah yang tertinggi adalah di Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah berjumlah RM30.15 juta diikuti Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah berjumlah RM8.52 juta dan Pejabat Daerah dan Tanah Jasin berjumlah RM2.22 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2018, Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah dan Pejabat Daerah dan Tanah Jasin berjaya mengurangkan tunggakan berjumlah RM3.26 juta. Tunggakan cukai tanah dan denda lewat hasil tanah mengikut Pejabat Daerah dan Tanah bagi akhir tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 50**.

Jumlah tunggakan cukai tanah dan denda lewat tahun 2018

RM40.89 juta

Penurunan tunggakan cukai tanah dan denda lewat tahun 2018

RM3.26 juta

JADUAL 50
TUNGGAKAN CUKAI TANAH DAN DENDA LEWAT HASIL TANAH
BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Melaka Tengah	30.15	30.73	-0.58	-1.9
2.	Alor Gajah	8.52	9.89	-1.37	-13.9
3.	Jasin	2.22	3.53	-1.31	-37.1
JUMLAH		40.89	44.15	-3.26	7.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2018

11. RUMUSAN

11.1. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada akhir tahun 2018 adalah stabil yang mana:

11.1.1. pelaburan kerajaan negeri berjumlah RM58.54 juta pada tahun 2018 meningkat sejumlah RM18.34 juta (45.6%) berbanding RM40.20 juta pada tahun 2017;

11.1.2. hasil yang diperoleh pada tahun 2018 berjumlah RM367 juta meningkat sejumlah RM31.67 juta (9.4%) berbanding RM335.33 juta pada tahun 2017;

11.1.3. Akaun Belum Terima kerajaan negeri berjumlah RM50.12 juta, iaitu menurun sejumlah RM6.50 juta berbanding RM56.62 juta pada tahun 2017;

11.1.4. baki Hutang Awam pada akhir tahun 2018 berjumlah RM839.69 juta, iaitu menurun sejumlah RM3.60 juta (0.4%) berbanding RM843.29 juta pada tahun 2017; dan

11.1.5. Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM7.32 juta (1.6%) kepada RM463.40 juta pada tahun 2018 berbanding RM470.72 juta pada tahun 2017.

11.2. Walaupun kedudukan kewangan kerajaan negeri stabil, namun perhatian dan tindakan sewajarnya perlu dibuat terhadap perkara berikut:

11.2.1. kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018 berjumlah RM69.86 juta menurun sejumlah RM29.39 juta (29.6%) berbanding RM99.25 juta pada tahun 2017;

11.2.2. Wang Tunai menurun sejumlah RM47.73 juta (80.8%) kepada RM11.32 juta berbanding RM59.05 juta pada tahun 2017;

11.2.3. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit semasa berjumlah RM13.86 juta menjadikan defisit terkumpul meningkat kepada RM91.38 juta berbanding RM77.52 juta bagi tahun 2017;

11.2.4. Perbelanjaan Mengurus meningkat sejumlah RM22.72 juta (6.3%) menjadi RM380.86 juta berbanding RM358.14 juta pada tahun 2017;

11.2.5. Akaun Amanah Disatukan menurun sejumlah RM15.53 juta (-8.8%) menjadi RM161.24 juta pada tahun 2018 berbanding RM176.77 juta pada tahun 2017;

11.2.6. Defisit Kumpulan Wang Pembangunan meningkat sejumlah RM2.02 juta (0.4%) menjadikan defisit terkumpul meningkat kepada RM531.32 juta berbanding RM529.30 juta pada tahun 2017; dan

11.2.7. tunggakan terkumpul bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2018 meningkat kepada RM516.67 juta berbanding RM459.98 juta pada tahun 2017.

12. SYOR AUDIT

12.1. Kerajaan negeri perlu mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh dapat menampung keseluruhan perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta tanggungan semasa. Kerajaan negeri perlu mengawal perbelanjaan secara lebih berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi Negeri Melaka. Tindakan yang lebih berkesan perlu diambil untuk:


12.1.1. mempertingkatkan lagi Pindahan Daripada Akaun Hasil Disatukan bagi mengurangkan baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan selaras dengan bajet tahunan yang telah diluluskan;

12.1.2. memastikan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut dibuat oleh agensi/syarikat negeri mengikut jadual yang ditetapkan;

12.1.3. memantau *Key Performance Indicator* (KPI) dan operasi syarikat kerajaan negeri untuk memastikan pelaburan kerajaan negeri memberi pulangan yang sewajarnya;

12.1.4. memastikan bayaran balik Hutang Awam dibuat mengikut jadual dan bayaran balik Hutang Awam oleh PKNM berjumlah RM37.19 juta dibayar segera kepada kerajaan persekutuan; dan

12.1.5. memastikan tindakan yang lebih proaktif dilaksanakan bagi mengurangkan Akaun Belum Terima.



BAHAGIAN III

**PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN
PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI**

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2018	Bilangan agensi negeri 11 Badan Berkanun Negeri 4 Pihak Berkuasa Tempatan 1 Majlis Agama Islam	16 akaun yang telah disahkan 3 Pendapat Tanpa Teguran 3 Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i> 10 Pendapat Berteguran
Badan Berkanun Negeri dan MAI ↓ RM37.88 juta Lebihan Semasa ↑ RM565.12 juta Aset Semasa Bersih	Pihak Berkuasa Tempatan ↑ RM31.23 juta Lebihan Semasa ↑ RM3.20 juta Liabiliti Semasa Bersih	Cukai Taksiran ↑ RM208.12 juta Semasa ↑ RM93.74 juta Tunggakan

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri, iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2019, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap **16** penyata kewangan agensi bagi tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, 11 merupakan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri yang ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, 4 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan satu (1) Majlis Agama Islam yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

2.2. Bagi tahun kewangan berakhir tahun 2018, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terus terhadap 2 agensi, iaitu Perbadanan Stadium Melaka dan Majlis Agama Islam manakala baki 14 penyata kewangan agensi lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta yang dilantik. Pelantikan Firma Audit Swasta ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Julai 2019, kesemua 11 BBN dan empat (4) PBT serta MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit. Daripada 16 agensi terlibat, 10 agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana dalam surat bertarikh 28 Januari 2019 daripada Pegawai Kewangan Negeri Melaka, iaitu penyerahan laporan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara adalah selewat-lewatnya pada 30 April 2019. Sebanyak enam (6) agensi, iaitu Lembaga Perumahan Melaka, Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, Perbadanan Muzium Melaka, Perbadanan Stadium Melaka dan Majlis Perbandaran Alor Gajah telah mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

Kemukakan penyata kewangan mengikut tempoh ditetapkan
10 Agensi

Kemukakan penyata kewangan **selepas** tempoh ditetapkan
6 Agensi

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	30.04.2019
2.	Yayasan Melaka	30.04.2019
3.	Lembaga Perumahan Melaka	15.05.2019
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	29.04.2019
5.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	07.05.2019
6.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	24.04.2019
7.	Majlis Sukan Negeri Melaka	29.04.2019
8.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	08.07.2019
9.	Perbadanan Muzium Melaka	29.05.2019
10.	Perbadanan Stadium Melaka	08.05.2019

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
11.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	29.04.2019
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Melaka	29.04.2019
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	30.04.2019
2.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	30.04.2019
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	20.06.2019
4.	Majlis Perbandaran Jasin	12.04.2019

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan. Penggunaan piawaian perakaunan tersebut telah digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)* dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS)*.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)* melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts 1969*. Antara fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.3. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)</i>	12
2.	<i>Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)/Financial Reporting Standards (FRS)</i>	0
3.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)</i>	4
JUMLAH		16

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*. ISSAI menetapkan sebanyak dua (2) jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan standard perakaunan yang berkenaan.

5.2. Pendapat Bolehubah

Pendapat Bolehubah meliputi Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat yang boleh digunakan mengikut kesesuaian apabila Juruaudit ingin menyatakan pendapat bolehubah seperti berikut:

5.2.1. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Perenggan *Emphasis of Matter*

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

b. Perenggan Perkara Lain

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Laporan Audit.

5.2.2. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat, tetapi juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

b. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

c. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif, iaitu bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, penafian pendapat turut diberi dalam situasi juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 8 Oktober 2019, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan kesemua penyata kewangan tahun 2018, iaitu 11 penyata kewangan BBN, empat (4) penyata

keuangan PBT dan satu (1) penyata kewangan MAI. Sebanyak tiga (3) daripada 16 penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 yang telah diaudit, dikeluarkan Laporan Audit Tanpa Teguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun 2014 sehingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI
PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TEMPOH TAHUN 2014 SEHINGGA 2018

BIL	JENIS PENDAPAT AUDIT	BILANGAN AGENSI				
		2014	2015	2016	2017	2018
1.	Pendapat Tanpa Teguran	14	13	3	4	3
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	-	-	6	5	3
3.	Pendapat Berteguran	2	3	7	7	10
4.	Pendapat Bertentangan	-	-	-	-	-
5.	Pendapat Penafian	-	-	-	-	-
JUMLAH		16	16	16	16	16

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2014 hingga 2018

5.4. Sebanyak satu (1) penyata kewangan BBN, satu (1) penyata kewangan MAI dan satu (1) penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT TANPA TEGURAN
DENGAN *EMPHASIS OF MATTER* BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN <i>EMPHASIS OF MATTER</i>
1.	Lembaga Perumahan Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Sejumlah RM39.32 juta merupakan tunggakan penghutang bagi penswastaan, pembeli rumah pangsa Pantai Peringgit, Kampung Padang, perumahan awam kos rendah dan sewaan yang tidak dapat dikutip oleh Lembaga Perumahan Melaka sehingga tahun 2018. Namun begitu, dalam penyata kewangan tahun semasa, Lembaga Perumahan Melaka tidak memperuntukkan sebarang hutang ragu yang boleh memberi kesan kepada penghutang dan keuntungan terlebih nyata. Ia disebabkan polisi peruntukan hutang ragu yang ditetapkan adalah tidak jelas dengan ketiadaan tempoh tertentu pengumuran akaun belum terima bagi membolehkan peruntukan hutang ragu dikira.
2.	Majlis Agama Islam Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Pihak Majlis tidak dapat mengesahkan sepenuhnya jumlah lot tanah Baitulmal sebenar yang diperolehi melalui pembahagian faraid/pusaka yang perlu direkodkan dalam penyata kewangan Majlis. Majlis perlu mengenal pasti sejumlah hartanah faraid/pusaka yang telah diputuskan menjadi hak milik Majlis dan merekodkan dalam penyata kewangan.
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	<ul style="list-style-type: none"> Kesilapan merekod item hasil yang berjumlah RM0.13 juta yang melibatkan lapan (8) akaun hasil yang berbeza. Selain itu, terdapat kesilapan merekod transaksi sebanyak dua (2) kali yang melibatkan amaun sejumlah RM0.24 juta. Keadaan ini boleh menjelaskan ketetapan angka bagi penyediaan penyata kewangan.

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

5.5. Bagi tahun kewangan 2018, tujuh (7) penyata kewangan BBN dan tiga (3) penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Berteguran seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT BERTEGURAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
1.	Yayasan Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat kerja dalam pelaksanaan bagi projek pembinaan bangunan pejabat Yayasan Melaka di atas Lot 196, 197, 198, 200, 201, 335 dan 336 Kawasan Bandar VII, Bandar Melaka berjumlah RM34.25 juta. Namun begitu, projek tersebut telah diberhentikan dan dipersetujui oleh Lembaga Pengarah pada 25 September 2018. Didapati pihak Yayasan Melaka tidak membuat sebarang peruntukan rosot nilai ke atas nilai tersebut. Ini boleh menjejaskan kedudukan sebenar jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan. Sejumlah RM39.13 juta daripada RM131.17 juta penghutang dagangan dan sejumlah RM69.65 juta daripada RM77.28 juta lain-lain penghutang didapati tidak bergerak bagi tahun 2018, di mana Yayasan Melaka tidak membuat sebarang peruntukan hutang ragu. Ini memberi kesan kepada keuntungan komprehensif dan nilai aset terlebih nyata dalam penyata kewangan Yayasan Melaka
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka telah merekodkan penglibatan modal sejumlah RM1.15 juta sebagai aset semasa dan menyebabkan aset dan liabiliti tahun semasa telah terlebih lapor. Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka telah merekodkan perbelanjaan untuk tahun mendatang sejumlah RM455,010 dalam tahun kewangan semasa menyebabkan perbelanjaan dan liabiliti tahun semasa telah terlebih lapor.
3.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Termasuk dalam deposit berjumlah RM5.80 juta adalah pinjaman kepada syarikat subsidiari, Sungai Melaka Ventures Sdn. Bhd. (SVMSB) berjumlah RM60,000. Bagaimanapun, jumlah terhutang yang direkodkan oleh SMVSB adalah RM0.68 juta. Terdapat perbezaan rekod yang material sejumlah RM0.74 juta yang tidak selaraskan oleh pihak PPSPM.
4.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat perbelanjaan pembangunan bagi projek Rumah Mampu Milik berjumlah RM1.05 juta yang tidak dapat direkodkan dalam penyata kewangan tahun semasa. Perkara ini menyebabkan pengiktirafan pendapatan dan kos berkurangan nyata masing-masing berjumlah RM0.65 juta dan RM0.55 juta yang mengakibatkan kerugian bersih Perbadanan terlebih nyata sejumlah RM105,948.
5.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Tiada peruntukan rosot nilai dibuat oleh Perbadanan Teknologi Hijau Melaka pada tahun semasa bagi pelaburan dalam syarikat subsidiari, iaitu International Green Training Centre Sdn. Bhd. (IGTC) dan Green Global Smart Solution Sdn. Bhd. (GGSS) berjumlah RM110,002.
6.	Perbadanan Stadium Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Stadium Melaka tidak merekodkan faedah tertunggak bagi empat (4) pinjaman daripada Kerajaan Negeri Melaka sehingga 31 Disember 2018 berjumlah RM354,184 dan faedah yang belum dibayar bagi tujuh (7) pinjaman daripada Kerajaan Negeri Melaka dari tahun 2019 hingga 2037 yang berjumlah RM0.55 juta. Perbadanan Stadium Melaka tidak mengambil kira kos perbelanjaan bagi kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh Yayasan Melaka terhadap bangunan milik Perbadanan seperti mana perjanjian sewaan berjumlah RM27,546.
7.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	<ul style="list-style-type: none"> Termasuk dalam lain-lain penghutang, deposit dan prabayar adalah jumlah terhutang daripada My Bioscience Lab Sdn. Bhd. berjumlah RM462,079 yang telah lama tertunggak sejak tahun 2017. Pada tahun kewangan 2018, tiada pembayaran diterima dan tiada cagaran terhadap hutang tersebut. Pada pendapat saya, Perbadanan Bioteknologi Melaka perlu membuat peruntukan rosot nilai terhadap baki penghutang tersebut yang akan menyebabkan kurangan pendapatan bersih akan meningkat sejumlah RM462,079 dan aset bersih akan berkurang sejumlah RM462,079 masing-masing.
8.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat urus niaga pertukaran belum terima dalam penyata kewangan berjumlah RM1.89 juta yang merupakan penghutang sewa bangunan Melaka Mall. Baki penghutang tersebut tidak dapat disahkan kerana dokumen berkaitan tidak diperolehi sepenuhnya. Perkara ini turut memberi kesan kepada jumlah sewaan berjumlah RM1.89 juta yang juga tidak dapat disahkan.
9.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	<ul style="list-style-type: none"> Majlis tidak membuat sebarang peruntukan rosot nilai terhadap bayaran kemajuan berjumlah RM18.24 juta bagi projek pembinaan MBMB di Klebang, Melaka kerana terdapat bukti kukuh yang menunjukkan projek tersebut telah digantung kerja-kerja pembinaan di samping tiada keputusan jelas yang dapat menunjukkan projek tersebut akan diteruskan dalam tempoh tertentu. Majlis tidak membuat peruntukan hutang ragu bagi Akaun Belum Terima Caj Penyelenggaraan Gerai/Pasar/Lot berjumlah RM1.58 juta berikutan tiada polisi peruntukan hutang ragu terhadap akaun tersebut.

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
		<ul style="list-style-type: none"> Majlis mengelaskan akaun Tabung Pinjaman MBMB yang berjumlah RM1.40 juta di bawah kategori ekuiti. Perkara ini bercanggah dengan <i>nature</i> akaun terbabit di mana ia adalah untuk pinjaman yang diberikan kepada kakitangan MBMB. Selain itu, pengesahan terhadap amaun perbezaan antara baki akaun pinjaman MBMB dengan baki akaun Affin Bank berjumlah RM0.93 juta tidak dapat dibuat berikutan ketiadaan dokumen sokongan.
10.	Majlis Perbandaran Jasin	<ul style="list-style-type: none"> Amaun tuntutan pelbagai (Variation Order) berjumlah RM5.05 juta seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Tambahan II yang bertarikh 5 September 2018 tidak diiktiraf sebagai sebahagian kos hartanah, loji dan peralatan pada tahun kewangan semasa. Selain itu, didapati wujud perbezaan pada nilai bangunan Vista Alamanda yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan 2018 dengan Perjanjian Usaha Sama berjumlah RM185,920. Majlis tidak mengiktiraf amaun belum bayar kepada Herald Accord Sdn. Bhd. berjumlah RM4 juta di mana amaun ini adalah sebahagian daripada Perjanjian Tambahan II. Pengesahan baki akaun Herald Accord Sdn. Bhd. pada 31 Disember 2018 berjumlah RM0.87 juta tidak dapat dilakukan berikutan tiada dokumen sokongan. Pengesahan Audit juga telah dibuat tetapi maklum balas masih belum diterima. Majlis tidak membuat belanja hutang lapuk ke atas Akaun Belum Terima (ABT) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berjumlah RM5.83 juta walaupun terdapat bukti bahawa amaun ini tidak boleh dikutip pada masa hadapan. Amaun ini merupakan bantuan daripada KPKT untuk menjelaskan bayaran sisa pepejal Majlis yang telah dihentikan. Wujud perbezaan dalam Akaun Belum Bayar Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang diiktiraf dalam penyata kewangan 2018 dengan pengesahan Audit yang diterima berjumlah RM1.37 juta. Pengesahan perbezaan ini tidak dapat dilakukan berikutan tiada dokumen sokongan. Tiada polisi peruntukan hutang ragu ditetapkan untuk Akaun Belum Terima Cukai Taksiran dan ianya bercanggah dengan Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 29 - Instrumen Kewangan.

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit beserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu (1) salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

6.2. Bagi penyata kewangan tahun 2017, semua Penyata Kewangan Agensi yang diaudit dan dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Bagi penyata kewangan tahun 2018 pula, semua semua Penyata Kewangan Agensi telah diaudit dan dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara. Bagaimanapun, setakat 8 Oktober 2019, penyata kewangan tersebut belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan hanya merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/defisit, aset dan liabiliti bagi agensi. Analisis prestasi kewangan agensi disediakan berdasarkan kepada 16 penyata kewangan Agensi bagi tahun 2018.

7.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

7.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2018 bagi 11 BBN dan MAI adalah baik berbanding tahun 2017. Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, lebihan terkumpul atau keuntungan terkumpul meningkat sejumlah RM75.96 juta (6.1%). Sebanyak empat (4) BBN dan MAI menunjukkan peningkatan keuntungan terkumpul sejumlah RM104.15 juta (12.2%). Bagaimanapun, sebanyak tujuh (7) BBN menunjukkan kerugian terkumpul pada tahun 2018 sejumlah RM28.19 juta (7.2%). Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, jumlah aset meningkat sejumlah RM53.77 juta (2.6%). Aset semasa bersih meningkat sejumlah RM136.25 juta (31.8%) berbanding tahun 2017. Selain itu, lebihan terkumpul atau keuntungan terkumpul berkurang sejumlah RM18.63 juta (33%) berbanding tahun 2017. Prestasi kewangan 11 BBN dan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

Peningkatan Lebihan
Terkumpul atau Keuntungan
Terkumpul pada tahun
berakhir 31 Disember 2018
RM 75.96 juta

Peningkatan Lebihan
Terkumpul atau Keuntungan
Terkumpul bagi lima (5)
BBN
RM 104.15 juta

Kurangan Terkumpul bagi
tujuh (7) BBN
RM 28.19 juta

JADUAL 6
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 DAN 31 DISEMBER 2018

BIL.	PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Lebihan Pendapatan Terkumpul	1,322.74	1,246.78	75.96	6.1
2.	Jumlah Aset	2,135.68	2,081.91	53.77	2.6
3.	Aset Semasa Bersih	565.14	428.89	136.25	31.8
4.	Lebihan Pendapatan Semasa	37.88	56.51	-18.63	-33.0

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2017 dan 2018

7.1.2. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, enam (6) BBN mencatatkan lebihan terkumpul manakala enam (6) BBN, iaitu Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka, Majlis Sukan Negeri Melaka, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, Perbadanan Stadium Melaka, Perbadanan Bioteknologi Melaka dan Majlis Agama Islam Melaka mencatatkan kurangan terkumpul bagi tahun semasa. Lembaga Perumahan Melaka memperoleh lebihan terkumpul tertinggi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 yang berjumlah RM28.59 juta. Sebanyak tiga (3) BBN mengalami liabiliti semasa bersih, iaitu Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, Perbadanan Stadium Melaka dan

Perbadanan Bioteknologi Melaka yang berjumlah RM6.70 juta. Butiran terperinci prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	87.84	80.83	7.01	396.66	194.86	201.80
2.	Yayasan Melaka	156.74	153.70	3.04	273.75	128.58	145.17
3.	Lembaga Perumahan Melaka	42.38	13.79	28.59	173.85	2.56	171.29
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	9.87	9.31	0.56	7.27	2.35	4.92
5.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	16.51	12.44	4.07	9.79	3.30	6.49
6.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	13.60	14.56	-0.96	140.16	135.08	5.08
7.	Majlis Sukan Negeri Melaka	3.12	3.19	-0.07	0.29	0.03	0.26
8.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	1.09	1.10	-0.01	1.83	1.86	-0.03
9.	Perbadanan Muzium Melaka	10.84	10.82	0.02	2.34	2.01	0.33
10.	Perbadanan Stadium Melaka	3.36	3.92	-0.56	0.62	3.00	-2.38
11.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	1.26	2.45	-1.19	0.93	5.22	-4.29
12.	Majlis Agama Islam Melaka	113.08	115.70	-2.62	50.90	14.42	36.48
JUMLAH		459.69	421.81	37.88	1,058.39	493.27	565.12

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018

7.1.3. Analisis Aset

- a. Aset terdiri daripada aset semasa dan aset bukan semasa yang meliputi komponen utama seperti hartanah, loji dan peralatan, pelaburan, penghutang dan wang tunai. Pada 31 Disember 2018, jumlah aset yang dimiliki oleh 11 BBN dan MAI adalah bernilai RM2.136 bilion berbanding RM2.082 bilion pada 31 Disember 2017, iaitu peningkatan sejumlah RM53.78 juta (2.6%). Lembaga Perumahan Melaka mencatatkan peningkatan nilai aset yang ketara pada tahun 2018 berbanding tahun 2017, iaitu sejumlah RM77.03 juta. Kedudukan aset pada tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KEDUDUKAN ASET BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAI
PADA TAHUN 2017 DAN TAHUN 2018

BIL.	AGENSI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	770.99	810.88	-39.89	-4.9
2.	Yayasan Melaka	833.62	840.03	-6.41	-0.8
3.	Lembaga Perumahan Melaka	184.46	107.43	77.03	71.7
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	29.16	28.64	0.52	1.8
5.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	13.59	11.89	1.70	14.3
6.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	142.60	140.20	2.40	1.7
7.	Majlis Sukan Negeri Melaka	0.38	0.57	-0.19	-33.3
8.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	2.01	0.97	1.04	107.2
9.	Perbadanan Muzium Melaka	7.19	7.58	-0.39	-5.1
10.	Perbadanan Stadium Melaka	1.32	1.82	-0.50	-27.5
11.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	2.15	2.65	-0.50	-18.9
12.	Majlis Agama Islam Melaka	148.21	129.24	18.97	14.7
JUMLAH		2,135.68	2,081.90	53.78	2.6

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2017 dan 2018

- b. Aset semasa bersih merupakan perbezaan antara aset semasa dan liabiliti semasa. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah aset semasa bersih meningkat sejumlah RM141.35 juta (33%), iaitu daripada RM428.89 juta pada tahun 2017 kepada RM570.24 juta pada tahun 2018. Tiga (3) BBN mencatatkan liabiliti semasa bersih, iaitu Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, Perbadanan Stadium Melaka dan Perbadanan Bioteknologi Melaka pada tahun 2018. Kedudukan aset semasa bersih dan liabiliti semasa bersih pada tahun 2017 dan tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KEDUDUKAN ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH
BAGI TAHUN 2017 DAN TAHUN 2018

BIL.	PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	201.80	255.56	-53.76	-21.0
2.	Yayasan Melaka	145.18	41.11	104.07	253.2
3.	Lembaga Perumahan Melaka	176.40	93.25	83.15	89.2
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	4.91	3.65	1.26	34.5
5.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	6.49	-0.58	7.07	-1,219.0
6.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	5.09	6.36	-1.27	-20.0
7.	Majlis Sukan Negeri Melaka	0.26	0.31	-0.05	-16.1
8.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	-0.03	-0.02	-0.01	-50.0
9.	Perbadanan Muzium Melaka	0.33	0.10	0.23	230.0
10.	Perbadanan Stadium Melaka	-2.38	-1.91	-0.47	24.6
11.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	-4.29	-3.76	-0.53	14.1
12.	Majlis Agama Islam Melaka	36.48	34.82	1.66	4.8
JUMLAH		570.24	428.89	141.35	33.0

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2017 dan 2018

7.1.4. Analisis Pelaburan

Pada tahun 2018, jumlah pelaburan bagi empat (4) BBN adalah sejumlah RM369.83 juta setelah mengambil kira rosot nilai pelaburan. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam hartanah, syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan lain. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah menurun sejumlah RM4.03 juta atau 1.1%, iaitu daripada RM373.86 juta bagi tahun 2017 kepada RM369.83 juta bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KEDUDUKAN PELABURAN BADAN BERKANUN NEGERI
PADA 31 DISEMBER 2017 DAN 31 DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI NEGERI	PELABURAN DALAM HARTANAH (RM Juta)		SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta)		SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta)		PELABURAN LAIN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	
		2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	256.24	255.87	36.57	31.92	7.64	7.89	3.11	3.78	303.56	299.46
2.	Yayasan Melaka	17.30	19.46	4.67	4.99	3.06	3.18	9.30	11.70	34.33	39.33
3.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	0	0	0.11	0.11	0	0	0	0	0.11	0.11
4.	Majlis Agama Islam Melaka	28.01	28.54	3.20	3.20	0	0	0.62	3.22	31.83	34.96
JUMLAH		301.55	303.87	44.55	40.22	10.70	11.07	13.03	18.70	369.83	373.86

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2017 dan 2018

7.1.5. Analisis Liabiliti

Liabiliti terdiri daripada tanggungan semasa dan jangka panjang dengan komponen utama seperti pinjaman, pemiutang dan deposit. Pada akhir tahun 2018, liabiliti bagi 11 BBN dan MAI adalah sejumlah RM788.41 juta berbanding RM839 juta pada tahun 2017, iaitu menurun sejumlah RM50.59 juta (6%). Analisis Audit mendapati, jumlah liabiliti bagi tujuh (7) BBN dan MAI menunjukkan penurunan antara RM0.11 juta hingga RM33.13 juta pada tahun 2018. Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka mengalami penurunan jumlah liabiliti tertinggi, iaitu RM33.13 juta (7.5%). Liabiliti bagi empat (4) BBN lagi menunjukkan peningkatan antara RM0.16 juta hingga RM6.49 juta. Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka pula mencatatkan peningkatan jumlah liabiliti tertinggi, iaitu berjumlah RM6.49 juta (5.0%). Butiran

lanjut mengenai liabiliti bagi 11 BBN dan MAI bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
JUMLAH LIABILITI BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAI
BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	408.96	442.09	-33.13	-7.5
2.	Yayasan Melaka	197.10	217.87	-20.77	-9.5
3.	Lembaga Perumahan Melaka	2.56	2.76	-0.20	-7.2
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	2.53	2.97	-0.44	-14.8
5.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	3.33	5.70	-2.37	-41.6
6.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	136.53	130.04	6.49	5.0
7.	Majlis Sukan Negeri Melaka	0.04	0.15	-0.11	-73.3
8.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	1.91	0.86	1.05	122.1
9.	Perbadanan Muzium Melaka	2.11	2.52	-0.41	-16.3
10.	Perbadanan Stadium Melaka	7.12	6.96	0.16	2.3
11.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	6.61	5.92	0.69	11.7
12.	Majlis Agama Islam Melaka	19.61	21.16	-1.55	-7.3
JUMLAH		788.41	839.00	-50.59	-6.0

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2017 dan 2018

7.1.6. Analisis Nisbah

- a. Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana agensi mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa dicairkan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semasa, semakin baik kecairan sesebuah agensi. Nisbah semasa bagi 11 BBN dan MAI telah meningkat daripada RM1.85 pada tahun 2017 kepada RM2.15 pada tahun 2018. Secara keseluruhannya, nisbah semasa bagi tiga (3) BBN, iaitu Perbadanan Bioteknologi Melaka, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka dan Perbadanan Stadium Melaka adalah kurang memuaskan kerana nisbah semasa yang diperoleh adalah kurang daripada satu (1) pada tahun 2018.
- b. Nisbah hutang digunakan bagi mengukur peratus dana yang dibiayai oleh sumber selain ekuiti. Nisbah ini juga digunakan untuk mengukur kemampuan agensi memenuhi obligasi kepada pemiutang. Analisis nisbah hutang menunjukkan enam (6) daripada 11 BBN dan MAI mempunyai nisbah hutang melebihi 50%. Perbadanan Bioteknologi Melaka dan Perbadanan Stadium Melaka mempunyai nisbah hutang yang melebihi 100%, iaitu masing-masing 307.4% dan 538.4%. Butiran lanjut analisis kecairan dan kestabilan BBN dan MAI bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN
BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAI BAGI TAHUN 2018

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	MODAL KERJA (RM Juta)	ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta)	NISBAH HUTANG (%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	2.04	1.04	201.80	17.69	53.0
2.	Yayasan Melaka	2.13	2.13	145.18	20.98	57.0
3.	Lembaga Perumahan Melaka	68.04	61.46	171.29	8.28	1.4
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	3.09	3.09	4.91	5.61	8.7
5.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	2.96	2.96	6.49	1.98	24.5
6.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	1.04	0.99	5.09	9.32	95.8
7.	Majlis Sukan Negeri Melaka	9.67	9.67	0.26	0.29	9.7
8.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	0.98	0.98	-0.03	0.02	95.0
9.	Perbadanan Muzium Melaka	1.17	0.85	0.33	1.65	29.4
10.	Perbadanan Stadium Melaka	0.21	0.21	-2.38	0.10	538.4
11.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	0.18	0.18	-4.29	0.23	307.4
12.	Majlis Agama Islam Melaka	3.53	3.53	36.48	28.39	13.23
JUMLAH				565.13	94.54	

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2017 dan 2018

7.2. Prestasi Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam

7.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Bagi tahun 2018, Majlis Agama Islam Melaka dan lima (5) daripada 11 BBN mempunyai pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu, iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Yayasan Melaka, Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka, Perbadanan Bioteknologi Melaka dan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka dengan nilai kos pelaburan berjumlah RM71.04 juta, iaitu

melibatkan sebanyak 42 buah syarikat. Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka mencatatkan nilai kos pelaburan tertinggi, iaitu berjumlah RM37.44 juta dalam 13 syarikat, diikuti oleh Yayasan Melaka dengan kos pelaburan berjumlah RM28.57 juta dalam 19 syarikat, MAI melabur sejumlah RM3.20 juta dalam tiga (3) syarikat, Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka melabur sejumlah RM1.62 juta untuk tiga (3) syarikat, Perbadanan Bioteknologi Melaka melabur sejumlah RM0.10 juta untuk dua (2) syarikat dan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka melabur sejumlah

Bilangan syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu yang dilabur oleh MAI dan lima (5) BBN Negeri Melaka

42 syarikat

Nilai kos pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu oleh lima (5) BBN Melaka

RM71.04 juta

RM0.11 juta untuk dua (2) syarikat. Analisis kos pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu oleh lima (5) BBN tersebut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
ANALISIS PELABURAN PADA KOS
DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SYARIKAT BERSEKUTU PADA 31 DISEMBER 2018

BUTIRAN	BADAN BERKANUN					MAI	JUMLAH
	PKNM	YM	PERTAM	PBM	PTHM		
Syarikat Subsidiari (100%)	9	11	3	1	1	3	28
Syarikat Subsidiari (>50%)	2	0	0	0	1	0	3
Syarikat Bersekutu (<50%)	2	8	0	1	0	0	11
BILANGAN SYARIKAT	13	19	3	2	2	3	42
JUMLAH PELABURAN (RM Juta)	37.44	28.57	1.62	0.10	0.11	3.20	71.04

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018

Nota: PKNM – Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka

PERTAM – Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka

PTHM – Perbadanan Teknologi Hijau Melaka

YM – Yayasan Melaka

PBM – Perbadanan Bioteknologi Melaka

MAIM - Majlis Agama Islam Melaka

7.2.2. Status Syarikat Subsidiari

Analisis Audit mendapati Majlis Agama Islam Melaka dan lima (5) BBN memiliki ekuiti melebihi 50% dalam 31 syarikat subsidiari di mana sebanyak 26 syarikat subsidiari berstatus aktif. Daripada jumlah tersebut, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka mempunyai bilangan syarikat subsidiari terbanyak, iaitu sebanyak 11 syarikat subsidiari. Selain itu, sebanyak lima (5) syarikat subsidiari adalah berstatus dorman. Bilangan syarikat subsidiari BBN dan MAI adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI YANG AKTIF DAN DORMAN
BAGI TAHUN 2018

BIL.	BBN	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI (Ekuiti Melebihi Daripada 50%)		
		STATUS AKTIF	STATUS DORMAN	JUMLAH SYARIKAT
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	10	1	11
2.	Yayasan Melaka	7	4	11
3.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	3	0	3
4.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	2	0	2
5.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	1	0	1
6.	Majlis Agama Islam Melaka	3	0	3
JUMLAH		26	5	31

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018

7.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2018, sebanyak sembilan (9) syarikat subsidiari yang aktif milik Majlis Agama Islam Melaka dan lima (5) BBN mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM66.12 juta. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit mendapati 17 syarikat subsidiari Majlis Agama Islam Melaka dan BBN mempunyai kerugian terkumpul secara keseluruhan berjumlah RM22.39 juta. Antara syarikat subsidiari yang mencatatkan

Bilangan syarikat subsidiari memperoleh **KEUNTUNGAN** terkumpul

9 syarikat = RM66.12 juta

Bilangan syarikat subsidiari memperoleh **KERUGIAN** terkumpul

17 syarikat = RM22.39 juta

keuntungan terkumpul tertinggi ialah syarikat subsidiari kepada Yayasan Melaka, iaitu Pembangunan Pertanian Melaka Sdn. Bhd. berjumlah RM27.51 juta dan syarikat subsidiari kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, iaitu Melaka Sentral Sdn. Bhd. berjumlah RM25.40 juta. Analisis keuntungan dan kerugian terkumpul syarikat subsidiari BBN dan MAI bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
ANALISIS KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL
SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN NEGERI
DAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA BAGI TAHUN 2018

BIL.	BBN	KEUNTUNGAN TERKUMPUL		KERUGIAN TERKUMPUL		KEUNTUNGAN/ KERUGIAN TERKUMPUL BERSIH (RM Juta)
		BIL. SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH (RM Juta)	BIL. SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH (RM Juta)	
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	4	33.60	6	11.56	22.04
2.	Yayasan Melaka	3	31.43	4	7.29	24.14
3.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	0	0	3	1.76	-1.76
4.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	0	0	2	1.05	-1.05
5.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	0	0	1	0.38	-0.38
6.	Majlis Agama Islam Melaka	2	1.09	1	0.35	0.74
JUMLAH		9	66.12	17	22.39	43.73

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat subsidiari Tahun 2018

7.3. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

7.3.1. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, tiga (3) PBT telah mencatatkan lebihan dan satu (1) PBT telah mencatatkan defisit yang mana secara keseluruhan menunjukkan lebihan berjumlah RM31.23 juta. Jumlah lebihan ini meningkat sebanyak 32.6% jika dibandingkan jumlah lebihan keseluruhan bagi tahun 2017, iaitu RM23.37 juta. Prestasi kewangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

mencatatkan lebih paling tinggi berjumlah RM24.65 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 kepada RM28.68 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. Selain itu, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya merupakan PBT yang mencatatkan peratusan peningkatan lebih tertinggi, iaitu meningkat sebanyak 104.6%. Majlis Perbandaran Jasin pula mencatatkan peningkatan defisit paling tinggi, iaitu 11,100%. Kedudukan prestasi kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 16** dan kedudukan perubahan lebih/defisit PBT bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 16
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31.12.2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31.12.2018		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	197.19	168.51	28.68	194.74	123.27	71.47
2.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	80.46	73.36	7.10	83.51	143.11	-59.60
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	44.80	48.23	-3.43	49.19	55.90	-6.71
4.	Majlis Perbandaran Jasin	30.90	32.02	-1.12	25.28	33.64	-8.36
JUMLAH		353.35	322.12	31.23	352.72	355.92	-3.20

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

JADUAL 17
KEDUDUKAN PERUBAHAN LEBIHAN/DEFISIT
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	28.68	24.65	4.03	16.3
2.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	7.10	3.47	3.63	104.6
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	-3.43	-4.74	1.31	-27.6
4.	Majlis Perbandaran Jasin	-1.12	-0.01	-1.11	11,100.0
JUMLAH		31.23	23.37	7.86	33.6

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2018

7.3.2. Aset/Liabiliti Semasa Bersih

Pada 31 Disember 2018, liabiliti semasa bersih bagi kesemua PBT adalah berjumlah RM3.20 juta, iaitu menurun sejumlah RM12.17 juta (135.7%) berbanding pada 31 Disember 2017. Sebanyak dua (2) PBT mencatatkan penurunan dalam aset semasa bersih dan dua (2) PBT mencatatkan peningkatan dalam liabiliti semasa pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak tiga (3) PBT mencatatkan liabiliti semasa bersih, iaitu Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Jasin disebabkan peningkatan dalam pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru pada tahun 2018. Kedudukan aset/liabiliti semasa bersih PBT bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH PBT BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN 2018			TAHUN 2017		
		ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	194.74	123.27	71.47	201.48	128.97	72.51
2.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	83.51	143.11	-59.60	71.38	132.32	-60.94
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	49.19	55.90	-6.71	48.01	43.41	4.60
4.	Majlis Perbandaran Jasin	25.28	33.64	-8.36	23.42	30.62	-7.20
JUMLAH		352.72	355.92	-3.20	344.29	335.32	8.97

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2018

7.3.3. Hasil Cukai Taksiran dan Tunggakan Hasil Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang, pelabuhan dan sebagainya) dan tanah. Sehingga akhir tahun 2018, sejumlah RM208.12 juta cukai taksiran telah diiktiraf oleh empat (4) PBT Negeri Melaka. Hasil cukai taksiran tahun 2018 meningkat sejumlah RM11.81 juta (6%) berbanding hasil cukai taksiran pada tahun 2017. Hasil cukai taksiran PBT bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

Hasil cukai taksiran PBT tahun 2018
RM 208.12 juta

Jumlah peningkatan hasil cukai taksiran PBT tahun 2018 berbanding 2017
RM 11.81 juta

JADUAL 19
HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

BTL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	138.28	129.39	8.89	6.9
2.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	41.02	39.30	1.72	4.4
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	20.09	18.86	1.23	6.5
4.	Majlis Perbandaran Jasin	8.73	8.76	-0.03	-0.3
JUMLAH		208.12	196.31	11.81	6.0

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2018

- b. Penyata kewangan bagi kesemua empat (4) PBT menunjukkan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2018 berjumlah RM93.74 juta, iaitu peningkatan sejumlah RM7.01 juta (8.1%) berbanding tahun sebelumnya. Analisis terhadap tunggakan hasil cukai taksiran mendapati tiga (3) PBT telah mencatatkan peningkatan pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya manakala satu (1) PBT mencatatkan penurunan. Antara sebab peningkatan tunggakan hasil cukai taksiran ialah kekangan PBT memungut cukai daripada penghutang. Kedudukan terperinci tunggakan hasil cukai taksiran bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	66.53	59.71	6.82	11.4
2.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	14.14	15.44	-1.30	-8.4
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	6.94	6.28	0.66	10.5
4.	Majlis Perbandaran Jasin	6.13	5.30	0.83	15.7
JUMLAH		93.74	86.73	7.01	8.1

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

7.3.4. Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Jumlah Pendapatan

Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2018, jumlah pendapatan bagi empat (4) PBT adalah RM208.12 juta dan tunggakan cukai taksiran adalah berjumlah RM91.04 juta. Kesemua empat (4) PBT mempunyai tunggakan cukai taksiran melebihi 25% daripada pendapatan tahunan. Peningkatan tunggakan cukai taksiran boleh memberi kesan yang serius terhadap kedudukan kewangan semasa PBT. Analisis tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PERATUS TUNGGAKAN BERBANDING
PENDAPATAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TUNGGAKAN (RM Juta)	PENDAPATAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BERBANDING PENDAPATAN (%)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	66.28	138.28	47.9
2.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	13.83	41.02	33.7
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	6.90	20.09	34.3
4.	Majlis Perbandaran Jasin	4.03	8.73	46.2
JUMLAH		91.04	208.12	43.7

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

8. BIDANG UTAMA AUDIT

8.1. Geran Pembangunan

8.1.1. Pada tahun 2018, hanya satu (1) BBN dan dua (2) PBT yang mempunyai baki geran pembangunan, iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis Perbandaran Alor Gajah dengan jumlah keseluruhan berjumlah RM97.03 juta yang melibatkan sebanyak 41 projek. Sumber geran pembangunan yang diperoleh oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah adalah daripada Kerajaan Persekutuan. Sumber geran pembangunan Majlis Perbandaran Alor Gajah pula adalah daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Melaka. Maklumat bagi baki akhir geran pembangunan adalah seperti dalam **Jadual 22**.

Jumlah geran
pembangunan
RM97.03 juta
Projek pembangunan
41

JADUAL 22
BAKI AKHIR GERAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	AGENSI	BAKI PADA 31.12.2018 (RM Juta)	BIL. ANGAN PROJEK
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	75.87	13
2.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	16.34	8
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	4.82	20
JUMLAH		97.03	41

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan PBT Tahun 2018

8.1.2. Pada tahun 2018, jumlah geran pembangunan yang dibelanjakan oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah adalah berjumlah RM12.11 juta dan Majlis Perbandaran Alor Gajah berjumlah RM5.45 juta mengikut tujuan dan peraturan yang telah ditetapkan.

8.1.3. Berdasarkan **Jadual 22**, sebanyak 13 daripada 41 projek merangkumi projek pembangunan yang diluluskan dalam tahun 2018 melibatkan tiga (3) projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan 10 projek Majlis Perbandaran Alor Gajah. Jumlah keseluruhan projek baru tersebut adalah RM2.74 juta. Semakan lanjut mendapati Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka ada menerima geran pembangunan daripada Kerajaan Negeri Melaka berjumlah RM174,839 bagi projek pembinaan bangunan baru Perpustakaan Desa Asahan, Melaka. Bagaimanapun, projek tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kewangan tahun 2018. Ini disebabkan pembayaran projek dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Melaka kepada pihak Jabatan Kerja Raya tanpa melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka.

8.1.4. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan Perkara 6 (ii), apa-apa wang yang telah diuntukkan bagi sesuatu maksud yang khusus hendaklah diserahkan kepada Kumpulan Wang Disatukan sekiranya tidak dibelanjakan bagi maksud tersebut dalam tempoh yang dibenarkan baginya. Semakan Audit mendapati daripada 41 projek yang dinyatakan dalam **Jadual 22**, 12 projek telah disiapkan tetapi masih mempunyai baki geran yang berjumlah RM39.72 juta. Jumlah tersebut melibatkan dua (2) projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan 10 projek Majlis Perbandaran Alor Gajah. Setakat 31 Disember 2018, didapati baki tersebut masih belum dipulangkan kepada Kerajaan Persekutuan seperti yang ditetapkan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 23**.

Bilangan projek baru dalam tahun 2018

13 projek

Bilangan projek telah selesai tetapi masih mempunyai baki geran

12 projek

JADUAL 23
STATUS PROJEK BAGI GERAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	BUTIRAN	BILANGAN PROJEK			
		PKNM	MBMB	MPAG	JUMLAH
1.	Projek baru dalam tahun semasa	3	0	10	13
2.	Geran yang tidak dibelanjakan langsung	0	0	0	0
3.	Projek telah selesai tetapi baki geran masih ada	2	TM	10	12
4.	Projek yang sedang dijalankan	0	TM	2	2
5.	Projek telah selesai tahun semasa	2	TM	0	2

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan PBT Tahun 2018

Nota: PKNM – Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka

MPAG – Majlis Perbandaran Alor Gajah

PERPUSTAM - Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka

MBMB – Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

TM – Tiada Maklumat

8.2. Pinjaman/Pendahuluan Diberi dan Diterima

8.2.1. Analisis Pinjaman dan Pendahuluan Diberi Kepada Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri

- a. Analisis Audit mendapati jumlah pinjaman dan pendahuluan yang diberi kepada syarikat subsidiari oleh enam (6) BBN adalah bernilai RM16.66 juta. Jumlah hutang yang diberikan tersebut adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai terma pembayaran tetap. Yayasan Melaka mencatatkan jumlah pinjaman diberi kepada syarikat subsidiari tertinggi berjumlah RM11.60 juta. Kedudukan pinjaman dan pendahuluan diberi kepada syarikat subsidiari bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

Jumlah pinjaman dan pendahuluan diberi kepada syarikat subsidiari bagi enam (6) BBN

RM 16.66 juta

Kelulusan

Hanya lima (5) daripada enam (6) BBN yang ada kelulusan untuk pendahuluan/pinjaman yang diberi

JADUAL 24
PINJAMAN DAN PENDAHULUAN DIBERI KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI
BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN 2018

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	JUMLAH (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	3.10
2.	Yayasan Melaka	11.60
3.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	0.06
4.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	0.10
5.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	0.80
6.	Majlis Agama Islam Melaka	1.00
JUMLAH		16.66

Sumber: Pinjaman dan Pendahuluan Diberi Syarikat Subsidiari BBN dan MAI Tahun 2018

- b. Setiap BBN yang merancang untuk memberikan pendahuluan/pinjaman kepada pihak lain perlu memperoleh kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Semakan Audit mendapati BBN, iaitu Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) tidak mempunyai kelulusan oleh PBN terhadap satu (1) pinjaman yang diberikan kepada syarikat subsidiari berjumlah RM0.06 juta. Perkara ini bertentangan dengan kehendak Seksyen 7, Enakmen PPSPM Tahun 2005. Pinjaman ini hanya diluluskan di peringkat Mesyuarat Pengurusan sahaja tetapi tidak mendapat persetujuan secara bertulis terlebih dahulu daripada PBN.

8.2.2. Pinjaman Diterima

- a. Bagi tahun 2018, sebanyak empat (4) BBN, tiga (3) PBT dan satu (1) MAI membuat pinjaman bagi pelbagai tujuan, sama ada pinjaman diterima daripada kerajaan negeri atau pinjaman daripada institusi kewangan. Semua agensi mempunyai kuasa untuk meminjam di bawah Akta Tubuh dan Enakmen masing-masing. Antara tujuan pinjaman dibuat adalah penyelesaian *revolving credit*, perolehan kenderaan, pembiayaan operasi dan pelaburan. Setiap agensi menyatakan dengan jelas tujuan pinjaman dibuat dan pinjaman yang diterima digunakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan. Berdasarkan penyata kewangan tahun 2018, baki pinjaman yang diterima adalah berjumlah RM53.17 juta. Senarai agensi dan tujuan pinjaman yang diterima adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
SENARAI AGENSI DAN TUJUAN PINJAMAN

BIL	AGENSI	TUJUAN PINJAMAN	PEMBERI PINJAMAN	ANGGARAN JUMLAH (RM Juta)	ANGGARAN ANSURAN BULANAN (RM)
1.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	Beli kenderaan	Maybank Berhad	0.31	5,092
2.		Beli kenderaan	Maybank Berhad	0.28	4,732
3.		Beli kenderaan	Maybank Berhad	0.10	1,722
4.		Beli kenderaan	Maybank Berhad	0.10	1,588
5.		Beli kenderaan	Maybank Berhad	0.07	1,127
6.		Beli kenderaan	Maybank Berhad	0.11	1,914
7.		Beli kenderaan	Maybank Berhad	0.09	1,567
8.		Beli kenderaan	Maybank Berhad	0.13	2,096
9.		Beli kenderaan	Maybank Berhad	0.31	5,112
10.		Beli kenderaan	Maybank Berhad	0.10	1,695
11.			Membina Kompleks Pejabat MPAG	WESB Resources Sdn Bhd	28.50
12.	Majlis Perbandaran HangTuah Jaya	Membiaiyai projek cadangan membina dan menyiapkan bilik diraja termasuk menaiktaraf lain-lain kemudahan di Pusat Ekuestrian Stadium Hang Jebat, Melaka	Kerajaan Negeri	2.45	135,496
13.	Majlis Perbandaran Jasin	Membiaiyai kos pembelian kenderaan baru	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka	0.50	8,333
14.	Yayasan Melaka	Menjelaskan Revolving Credit (RC) milik Hartanah Bumiputera Melaka Sdn Bhd (HARUM)	Kerajaan Negeri	4.50	82,874
15.		Membantu kewangan Yayasan Melaka	Perbadanan Ketua Menteri Melaka	2.00	45,158
16.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	Membiaiyai bayaran balik pinjaman 'Hiwalah Revolving Credit' (HRC) kepada Affin Bank Bhd. dengan tiada faedah dikenakan	Kerajaan Negeri	5.00	90,830

BIL	AGENSI	TUJUAN PINJAMAN	PEMBERI PINJAMAN	ANGGARAN JUMLAH (RM Juta)	ANGGARAN ANSURAN BULANAN (RM)
17.	Perbadanan Teknolog Hijau	Membiayai pembelian saham sebanyak 55% daripada modal berbayar keseluruhan dalam syarikat subsidiari, iaitu Syarikat International Green Training Centre Sdn. Bhd	Kerajaan Negeri	0.11	1,030.54
18.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai	Pembelian 28 buah bot	Kerajaan Negeri	2.66	Telah selesai pada tahun 2018
19.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai	Sewa beli kenderaan Jabatan untuk kegunaan Ketua Pegawai Eksekutif (MCS 747)	Ambank Islamic Berhad	0.53	2,116
20.	Majlis Agama Islam Negeri Melaka	Menampung kos pengurusan di bawah baitulmal dan pembangunan kompleks MAI	Kerajaan Negeri	7.28	TM
21.	Majlis Agama Islam Negeri Melaka	Pengambilan balik tanah bagi tujuan tambahan tapak masjid Kg. Hulu	Kumpulan Wang Wakaf serta Kumpulan Wang Zakat	2.00	TM
JUMLAH				57.13	

Sumber: Kertas kerja Firma Audit Swasta

Nota: (TM) – Tiada Maklumat

- b. Setiap kertas kerja permohonan pinjaman perlu dibentang dan dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Semakan Audit ke atas Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah/Ahli Majlis mendapati semua agensi telah membentangkan kertas kerja permohonan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah/Ahli Majlis.
- c. Semakan Audit terhadap baki awal dan baki akhir setiap pinjaman menunjukkan jumlah yang benar dan saksama kecuali pinjaman sewa beli kenderaan Majlis Perbandaran Alor Gajah yang menunjukkan perbezaan antara baki akhir di penyata kewangan dan pengesahan pihak ketiga. Semakan lanjut mendapati perbezaan tersebut disebabkan oleh perbezaan faedah jangka panjang dan jangka pendek. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan baki akhir Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai kerana dokumen berkaitan tidak dikemukakan untuk semakan. Pengesahan baki akhir pinjaman mengikut agensi adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
PENGESAHAN BAKI AKHIR PINJAMAN MENGIKUT AGENSI

BIL.	AGENSI	PEMBERI PINJAMAN	BAKI AKHIR		PERBEZAAN (RM)	CATATAN
			PENYATA KEWANGAN (RM)	PENGESAHAN PIHAK KETIGA (RM)		
1.		Maybank	210,656	210,656	-	
2.		Maybank	245,450	245,450	-	
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	Maybank	36,167	34,601	1,566	Perbezaan faedah jangka panjang dan jangka pendek

BIL.	AGENSI	PEMBERI PINJAMAN	BAKI AKHIR		PERBEZAAN (RM)	CATATAN
			PENYATA KEWANGAN (RM)	PENGESAHAN PIHAK KETIGA (RM)		
4.		Maybank	-	-	-	
5.		Maybank	32,571	32,571	-	
6.		Maybank	57,217	57,217	-	
7.		Maybank	-	-	-	
8.		Maybank	14,350	14,350	-	
9.		Maybank	44,840	44,840	-	
10.		Maybank	32,533	32,533	-	
11.		WESB Resources Sdn Bhd	11,422,241	11,422,241	-	
12.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	Kerajaan Negeri	1,761,455	1,761,455	-	
13.	Majlis Perbandaran Jasin	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka	170,000	170,000	-	
14.	Yayasan Melaka	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka	4,500,000	4,500,000	-	
15.		Perbadanan Ketua Menteri Melaka	2,000,000	2,000,000	-	
16.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	Kerajaan Negeri	1,453,279	1,453,279	-	
17.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	Kerajaan Negeri	80,777	80,777	-	
18.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai	Kerajaan Negeri	-	-	-	Tidak dapat disahkan kerana tidak mengemukakan dokumen berkaitan
19.		Ambank Islamic Berhad	-	-	-	Tidak dapat disahkan kerana tidak mengemukakan dokumen berkaitan
20.	Majlis Agama Islam Melaka	Kerajaan Negeri	4,620,000	4,620,000	-	
21.		Kumpulan Wang Wakaf serta Kumpulan Wang Zakat	650,000	650,000	-	

Sumber: Kertas kerja Firma Audit Swasta

8.2.3. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri/Majlis Agama Islam

- a. Pada 31 Disember 2018, jumlah pelaburan setelah mengambil kira peruntukan rosot nilai dalam syarikat subsidiari oleh lima (5) BBN dan MAI adalah berjumlah RM45.90 juta berbanding RM41.60 juta pada 31 Disember 2017, iaitu peningkatan sejumlah RM4.30 juta (10.3%). Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka mencatatkan peningkatan pelaburan tertinggi, iaitu sejumlah RM4.60 juta. Kedudukan pelaburan dalam syarikat subsidiari bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

Jumlah pelaburan dalam syarikat subsidiari bagi lima (5) BBN dan MAI bagi tahun 2018

RM 45.90 juta

Jumlah pelaburan dalam syarikat subsidiari bagi lima (5) BBN dan MAI bagi tahun 2017

RM 41.60 juta

Peningkatan jumlah pelaburan bagi tahun 2017 dan 2018

RM 4.30 juta

JADUAL 27
PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI 2018 DAN 2017

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	36.60	32.00	4.60	14.4
2.	Yayasan Melaka	4.70	5.00	-0.30	-6.0
3.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	1.30	1.30	0.00	0.0
4.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	0.10	0.10	0.00	0.0
5.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	0.00*	0.00*	0.00	0.0
6.	Majlis Agama Islam Melaka	3.20	3.20	0.00	0.0
JUMLAH		45.90	41.60	4.30	10.3

Sumber: Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari BBN Tahun 2018 dan 2017

Nota: * - RM1

- b. Jumlah syarikat subsidiari yang dipegang oleh BBN/MAI melibatkan 27 syarikat dan PKNM merupakan agensi yang mempunyai syarikat subsidiari tertinggi, iaitu 11 buah syarikat. Pada keseluruhannya, pelaburan dalam syarikat subsidiari adalah dibenarkan mengikut Enakmen masing-masing serta mendapat kelulusan seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	BIL. SYARIKAT SUBSIDIARI	ENAKMEN	KELULUSAN
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	11	Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka 1971 (No. 1 Tahun 1971)	Mesyuarat Pengarah Lembaga
2.	Yayasan Melaka	7	Enakmen Yayasan Melaka 1984	Mesyuarat Pengarah Lembaga

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	BIL. SYARIKAT SUBSIDIARI	ENAKMEN	KELULUSAN
3.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	3	Enakmen Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka 1991	Mesyuarat Pengarah Lembaga
4.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	2	Enakmen No 2 Perbadanan Teknologi Hijau Melaka Tahun 2005	Pihak Berkuasa Negeri
5.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	1	Enakmen Perbadanan Bioteknologi Melaka	Pihak Berkuasa Negeri
6.	Majlis Agama Islam Melaka	3	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002	Mesyuarat Ahli Majlis
JUMLAH		27		

Sumber: Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari oleh BBN dan MAI Tahun 2018

- c. Semakan Audit terhadap aspek pemakaian standard perakaunan mendapati wujud perbezaan dalam piawaian perakaunan yang diguna pakai di antara Perbadanan Teknologi Hijau Melaka dan syarikat subsidiarinya di mana Penyata Kewangan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka bagi tahun 2018 disediakan dengan mengguna pakai *Malaysia Private Entities Reporting Standard* (MPERS) manakala penyata kewangan syarikat subsidiari bagi tahun 2018 disediakan dengan mengguna pakai *Malaysia Financial Reporting Standard* (MFRS). Semakan lanjut mendapati Perbadanan Teknologi Hijau Melaka tidak membuat sebarang pelarasan bagi menyediakan penyata kewangan kumpulan.

8.3. Perolehan Artifak/Karya/Seni

8.3.1. Daripada 11 BBN di Negeri Melaka, hanya sebuah BBN, iaitu Perbadanan Muzium Negeri Melaka yang menguruskan artifak. Perbadanan Muzium Negeri Melaka ada menyediakan Garis Panduan, iaitu Prosedur Kualiti (MS ISO) dalam melaksanakan pengurusan perolehan dan pendaftaran barang Artifak Muzium dengan tarikh kuat kuasa pada 1 April 2008. Berdasarkan prosedur kualiti Perbadanan Muzium Negeri Melaka, artifak adalah benda buatan manusia yang direka/dicipta berdasarkan daya kreativiti suatu komuniti.

8.3.2. Pada tahun 2018, Perbadanan Muzium Negeri Melaka telah melaksanakan perolehan berjumlah RM10,811 yang melibatkan sebanyak 52 barang artifak. Sebanyak 51 daripada 52 barang artifak tersebut diperoleh melalui sumbangan berjumlah RM10,311 dan satu (1) barang artifak diperoleh melalui pembelian berjumlah RM500.

8.3.3. Semakan Audit terhadap pengurusan artifak di Perbadanan Muzium Negeri Melaka mendapati perkara berikut:

- a. Berdasarkan Prosedur Kualiti Perbadanan Muzium Negeri Melaka, setiap perolehan yang dilaksanakan akan dinilai terlebih dahulu dengan menggunakan borang penilaian barang artifak. Namun, semakan Audit mendapati tujuh (7) perolehan barang artifak melalui sumbangan tidak mempunyai harga kos dalam tahun semasa. Ini kerana penyumbang artifak tidak memberi maklumat mengenai nilai barang artifak yang disumbangkan.
- b. PERZIM tidak mempunyai sebarang *Standard Operating Procedure* berkaitan program pemuliharaan artifak sedangkan ianya adalah merupakan aset utama PERZIM.

8.4. Pengurusan Agihan Zakat

8.4.1. Pengurusan Agihan Zakat di Negeri Melaka dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Melaka. Agihan dilaksanakan kepada lapan (8) asnaf yang layak sahaja. Penerima zakat terdiri daripada lapan (8) asnaf, iaitu fakir, miskin, *amil*, *muallaf*, *riqab*, *gharimin* dan *fisabilillah*. Kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Melaka pada tahun 2018 menunjukkan hasil kutipan zakat Majlis Agama

Hasil kutipan zakat Majlis Agama Islam Melaka pada tahun 2018

RM 89.18 juta

Perbelanjaan agihan wang zakat bagi lapan (8) asnaf tahun 2018

RM89.76 juta

Islam Melaka adalah berjumlah RM89.18 juta berbanding RM87.80 juta pada tahun 2017, iaitu peningkatan sejumlah RM1.38 juta (1.6%). Peningkatan ini disumbangkan oleh zakat harta, zakat fitrah dan lain-lain kutipan zakat. Bajet Majlis Agama Islam Melaka bagi tahun 2018 telah diluluskan di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.32/2017 yang bersidang pada 25 Oktober 2017 dan telah mendapat perkenan Yang Dipertuan Agong pada 10 November 2017. Kadar pembahagian yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Melaka diguna pakai sebagai asas untuk penetapan bajet bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
PENETAPAN KADAR AGIHAN ZAKAT

AGIHAN ZAKAT	PEMBAHAGIAN KADAR
Zakat Harta	1/8 kepada setiap asnaf
Zakat Fitrah	Fakir, Miskin, Amil, Muallaf
Zakat Am	1/8 setiap asnaf serta miskin dan gharimin.

Sumber: Penyata Kewangan MAI Tahun 2018

8.4.2. Perbelanjaan agihan wang zakat kepada lapan (8) asnaf bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM89.76 juta, iaitu melebihi sejumlah RM2.09 juta daripada jumlah peruntukan asal seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
PERUNTUKAN DAN AGIHAN ZAKAT TAHUN 2018

KATEGORI	PERUNTUKAN (RM Juta)	AGIHAN SEBENAR (RM Juta)	PERBEZAAN	
			(RM Juta)	(%)
Fakir	5.46	4.74	0.72	13.2
Miskin	28.60	33.10	-4.50	-15.7
<i>Amil</i>	14.71	15.69	-0.98	-6.7
<i>Muallaf</i>	7.98	7.66	0.32	4.0
<i>Riqab</i>	0.50	0.45	0.05	10.0
<i>Gharimin</i>	2.72	2.70	0.02	0.7
<i>Fisabilillah</i>	27.70	25.42	2.28	8.2
JUMLAH	87.67	89.76	-2.09	-2.4

Sumber: Penyata Kewangan MAIM Tahun 2018

8.4.3. Majlis Agama Islam Melaka telah mewujudkan sistem agihan zakat asnaf melalui sistem 'asnaf' dan 'myasnaf'. Kedua-dua sistem ini digunakan sebagai kawalan dalaman bagi memantau agihan zakat dan agihan bantuan makanan secara bulanan kepada penerima zakat. Pembayaran zakat dibayar mengikut had kifayah dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Agihan Bantuan (JKKAB). Majlis Agama Islam Melaka telah menentukan kaedah pembayaran agihan zakat kepada asnaf melalui tunai, cek dan akaun Tabung Haji dan semua agihan yang direkodkan adalah berdasarkan dokumen yang sah.

8.5. Cukai Taksiran

8.5.1. Bagi tahun 2018, empat (4) PBT di Negeri Melaka telah mencatatkan kutipan cukai taksiran berjumlah RM171.59 juta, iaitu meningkat sejumlah RM5.96 juta (3.6%) berbanding kutipan tahun 2017, iaitu RM165.63 juta. Berdasarkan analisis Audit, bagi tahun 2018 kesemua empat (4) PBT telah berjaya mencapai kutipan sebenar berbanding sasaran antara 73.6% hingga 108.6% di mana Majlis Perbandaran Alor Gajah merekodkan pencapaian yang tertinggi, iaitu 108.6%. Butiran kutipan dan sasaran adalah seperti dalam **Jadual 31**.

Kutipan cukai taksiran PBT
tahun 2018

RM 171.29 juta

Melebihi sasaran kutipan
cukai taksiran PBT tahun
2018

RM 4.38 juta

JADUAL 31
PRESTASI KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN PBT

BIL	PBT	TAHUN 2018			KUTIPAN 2017 (RM Juta)
		SASARAN (RM Juta)	KUTIPAN SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)	
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)	99.50	107.50	108.0	103.00
2.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ)	38.00	35.97	94.7	35.98

BIL	PBT	TAHUN 2018			KUTIPAN 2017 (RM Juta)
		SASARAN (RM Juta)	KUTIPAN SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)	
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)	18.50	20.09	108.6	18.86
4.	Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)	10.91	8.03	73.6	7.79
JUMLAH		166.91	171.59	102.8	165.63

Sumber: Penyata Kewangan Tahun 2018

8.5.2. Seksyen 137 (3) Akta Kerajaan Tempatan 1976 menyatakan sesuatu Senarai Nilai baru yang mengandungi butir-butir yang sama seperti di subseksyen (1) hendaklah disediakan dan disiapkan sekali tiap-tiap lima tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Seksyen 135 Akta Kerajaan Tempatan 1976 pula menyatakan apabila sesuatu pegangan atau sebahagian daripadanya digunakan semata-mata bagi maksud rekreasi, sosial atau kebajikan, dan bukan untuk mendapat keuntungan wang Pihak Berkuasa Negeri boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan pegangan atau bahagian pegangan itu daripada pembayaran semua atau mana-mana kadar atau boleh mengurangkan apa-apa kadar yang dikenakan ke atas pegangan atau bahagian pegangan itu. Pada tahun 2018, tiada penilaian semula cukai taksiran dilaksanakan oleh semua PBT.

8.5.3. Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 19 menyatakan "*An entity that prepares and presents financial statements under the accrual basis of accounting shall apply this Standard in accounting for provisions, contingent liabilities, and contingent assets, except:...*". Semakan Audit mendapati Majlis Perbandaran Jasin tidak menetapkan sebarang polisi peruntukan hutang ragu untuk Akaun Belum Terima cukai taksiran dan ia tidak selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 19. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan baki penghutang cukai taksiran Majlis Perbandaran Alor Gajah yang seterusnya memberi kesan kepada ketepatan peruntukan hutang ragu berjumlah RM0.10 juta yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Alor Gajah bagi 35 akaun penghutang. Pada tahun 2018, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah mempunyai tunggakan cukai taksiran yang tinggi, iaitu RM66.28 juta (11%) berbanding tahun 2017. Senarai tunggakan hasil cukai taksiran PBT adalah seperti **Jadual 32**.

**JADUAL 32
TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN PBT**

BIL	PBT	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)	
		2018	2017
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	66.28	57.01
2.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	13.83	13.04
3.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	6.90	6.13
4.	Majlis Perbandaran Jasin	4.03	3.37
JUMLAH		91.04	79.55

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2018

8.5.4. Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976 menjelaskan tindakan untuk menuntut tunggakan seperti mengeluarkan suatu waran tahanan dalam Borang F, menyampaikan suatu notis dalam Borang E, memberi notis dalam Borang G dan memecah buka pada waktu siang mana-mana rumah atau bangunan bagi maksud melaksanakan tahanan. Dalam usaha mengutip tunggakan cukai daripada pemilik/penghutang, PBT ada menguatkuasakan beberapa kaedah. Antaranya;

- a. Pengeluaran Notis E;
- b. Pengeluaran Notis F;
- c. Penubuhan pasukan *Task Force* khusus untuk membuat kutipan dan mengedar Notis E;
- d. Tindakan rampasan;
- e. Rundingan;
- f. Pemantauan terhadap rumah/premis yang tidak berpenghuni dibuat dengan melakukan carian pemilik melalui Pejabat Tanah untuk mengetahui status pemilik.

9. RUMUSAN AUDIT

9.1. Secara keseluruhannya, sehingga 8 Oktober 2019 sebanyak tiga (3) penyata kewangan agensi telah disahkan dan diberi Pendapat Tanpa Teguran, tiga (3) penyata kewangan agensi diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan 10 penyata kewangan agensi diberi Pendapat Berteguran.

9.2. Berdasarkan sebelas (11) penyata kewangan BBN dan satu (1) penyata kewangan MAI, kedudukan kewangan bagi tahun 2018 adalah memuaskan berbanding tahun 2017. Lebih pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul BBN dan MAI meningkat sejumlah RM75.96 juta (6.1%), aset meningkat sejumlah RM53.77 juta (2.6%), aset semasa bersih meningkat sejumlah RM136.26 juta (31.8%) dan lebih pendapatan tahun semasa berkurangan sejumlah RM18.63 juta (33%) berbanding tahun 2017.

9.3. Tiga (3) PBT telah mencatatkan lebih dan satu (1) PBT telah mencatatkan defisit yang mana secara keseluruhan menunjukkan lebih berjumlah RM31.23 juta bagi tahun 2018. Namun begitu, jumlah tunggakan cukai taksiran telah meningkat sejumlah RM7.01 juta (8.1%) daripada RM86.73 juta pada tahun 2017 kepada RM93.74 juta pada tahun 2018.

9.4. Pematuhan terhadap *key audit area* yang disemak terhadap Penyata Kewangan yang telah diaudit, meliputi kriteria Geran Pembangunan, Pelaburan, Perolehan Artifak/Karya/Seni, Pengurusan Agihan Zakat dan Cukai Taksiran adalah memuaskan. Tiada penemuan secara individu/agregat yang material dan pervasif yang boleh memberi kesan kepada pengesahan penyata kewangan.

10. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

10.1. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa;

10.2. agensi yang berprestasi rendah hendaklah mengambil tindakan proaktif dalam meningkatkan pendapatan di samping melaksanakan pengurusan kutipan tunggakan hasil yang berkesan; dan

10.3. agensi hendaklah memantau pengurusan dan prestasi penggunaan geran pembangunan/khas bagi tujuan yang ditetapkan.

BAHAGIAN IV

**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2017 Siri 1 telah dibentangkan pada 9 November 2018. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Melaka Tahun 2017 berserta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2017 Siri 2 telah dibentangkan pada 18 Mac 2019.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pada tahun 2018, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka (Jawatankuasa) telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 25 September 2018, 17 Oktober 2018 dan 4 Disember 2018 bagi membincangkan maklum balas mengenai isu Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2, Tahun 2013 Siri 2 dan Siri 3, Tahun 2014 Siri 1 dan Siri 2, Tahun 2015 Siri 1 dan Siri 2, dan Tahun 2016 Siri 1. Jawatankuasa juga membincangkan status terkini berkaitan isu Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 2 dan Tahun 2017 Siri 1. Jawatankuasa telah memanggil jabatan dan agensi yang berkaitan bagi mendapatkan penjelasan mengenai tindakan yang diambil terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan membuat lawatan ke tapak projek dan syarikat subsidiari Kerajaan Negeri, mengkaji isu lama dalam Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Butiran ringkas isu yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM
NEGERI MELAKA BAGI TAHUN 2017 SEHINGGA DISEMBER 2018

BIL.	TARIKH	PERKARA YANG DIBINCANGKAN
1.	21 Disember 2017	<ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka Bil. 2/2017 bertarikh 10 Ogos 2017 • Perbincangan jawapan bertulis daripada Jabatan/Agensi berkenaan isu Laporan Ketua Audit Negara seperti berikut: <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011</u></p> <p>a) Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sistem Perparitan di Sekolah Rendah Arab Kg. Tun Razak, Bukit Katil, Melaka <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 1</u></p> <p>a) Pejabat Tanah dan Galian Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan Hak Milik Strata Tidak Dibuat • Permohonan Hak Milik Tidak Dikemukakan Oleh Pemaju/Pemilik Bangunan Dalam Tempoh 6 bulan • Permohonan Lanjutan Hak Milik Strata Tidak Dikemukakan <p>b) Jabatan Ketua Menteri Melaka - (Unit Pembela & Pembangunan Desa)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rumah Bina Baru Tidak Mengikut Spesifikasi • Rumah Yang Dibina Mengalami Kerosakan • Bantuan 2 Kali kepada Penerima Yang Sama <p>c) Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI) (Pengurusan Planetarium Melaka Sdn. Bhd (PMSB))</p> <ul style="list-style-type: none"> • Analisis Nisbah Kewangan • Sasaran Bilangan Pengunjung Tidak Ditetapkan dan Sasaran Kutipan Tiket Tidak Tercapai • <i>Standard Operating Procedures (SOP)</i> • Kebergantungan Kepada Syarikat Induk <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2</u></p> <p>a) Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah dan Alor Gajah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggaran Syarat Nyata Tanah Selepas Permohonan Ditolak <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2</u></p> <p>a) Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hak Milik Asal Tidak Dibatalkan dan Hak Milik Sambungan Belum Dikeluarkan <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 3</u></p> <p>a) Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tunggakan Bayaran Balasan Kepada Telekom Malaysia Facilities Sdn. Bhd. <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1</u></p> <p>a) Perbadanan Ketua Menteri Melaka dan Melaka Hari Ini (MHI)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan Tanpa Kelulusan Ahli Lembaga Pengarah

BIL.	TARIKH	PERKARA YANG DIBINCANGKAN
		<p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2</u></p> <p>a) Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah</p> <ul style="list-style-type: none"> Pembangunan Di Atas Tanah Yang Belum Dikeluarkan Hak Milik – Stesen Minyak Mini Di PT 487, Mukim Kemuning <p>b) Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah</p> <ul style="list-style-type: none"> Tanah Yang Diberi Hak Milik Masih Belum Dibangunkan <p>c) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)</p> <ul style="list-style-type: none"> Kesan Terhadap Alam Sekitar – Kualiti Air Marin <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3</u></p> <p>a) Mahkamah Syariah Negeri Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> Pewartaan Lokap Mahkamah Syariah Tidak Diperoleh – Lokap Mahkamah Syariah (MRS) Alor Gajah <p>b) Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Yayasan Melaka dan Kumpulan Melaka Berhad (KMB)</p> <ul style="list-style-type: none"> Sistem Kad Pintar Bas Panorama Melaka <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1</u></p> <p>a) Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Alor Gajah</p> <ul style="list-style-type: none"> Prestasi Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan (Kerja Lewat Disiapkan) <p>b) Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran Alor Gajah</p> <ul style="list-style-type: none"> Tiada Kelulusan Lanjutan Masa <p>c) Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyenggaraan Jalan Pertanian (Ujian Ketebalan Jalan Tidak Dilakukan) <p>d) Jabatan Pengairan dan Saliran</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyenggaraan Jalan Pertanian (Kualiti Kerja Penyenggaraan) <p>e) Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyenggaraan Jalan Kampung Oleh Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (Laporan Status Kemajuan Kerja Penyenggaraan Tidak Dikemukakan kepada JKR Melaka) <p>f) Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyenggaraan Jalan Kampung Oleh Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (Pelaksanaan Dan Kualiti Kerja Penyenggaraan) <p>g) Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran Alor Gajah</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyenggaraan Jalan Raya Negeri, Jalan Raya Bandaran, Lorong Belakang dan Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah (Permukaan Jalan dan Longkang Rosak) <p>h) Jabatan Kerja Raya</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyenggaraan Jalan Raya Negeri, Jalan Raya Bandaran, Lorong Belakang dan Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah (Kecacatan Jalan Oleh Pihak Lain) <p>i) Majlis Perbandaran Alor Gajah</p> <ul style="list-style-type: none"> Kerja Pemetongan Rumput dan Pembersihan Longkang Tanah (Kerja Kurang Sempurna)


BIL.	TARIKH	PERKARA YANG DIBINCANGKAN
		<p>j) Jabatan Kerja Raya</p> <ul style="list-style-type: none"> Perbelanjaan Pengurusan Menggunakan Peruntukan MARRIS <p>k) Jabatan Kerja Raya</p> <ul style="list-style-type: none"> Pendaftaran Dan Ketetapan Data MARRIS <p>l) Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka dan Lembaga Perumahan Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> Prestasi Pemilikan Kuota Melayu Tidak Dapat Diukur (Prestasi Penetapan Kuota Melayu Bagi Permohonan Baru) Prestasi Pemilikan Kuota Melayu Bagi Projek Yang Telah Dimulakan Bayaran Sumbangan Bagi Tujuan Pelepasan Kuota Melayu (Bayaran Sumbangan Pelepasan Kuota Melayu Terkurang Caj) Tiada Kawalan Terhadap Potongan Diskaun Bagi Kuota Melayu Pemantauan Berkala Dan Penguatkuasaan Tidak Dijalankan <p>m) Jabatan Pertanian Negeri Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> Sasaran Pendapatan Bersih Pengusaha Tidak Tercapai Persijilan MyGAP dan MyOrganic serta Penggunaan Baja (Sasaran Penerima Sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) dan Skim Organik Malaysia (MyOrganic) Tidak Tercapai) Penggunaan Racun Perosak Dalam Hasil Pertanian (Penggunaan Racun Perosak Yang Tidak Dibenarkan) Surat Aku Janji Bantuan Pinjaman Mesin dan Peralatan (Bantuan Pinjaman Mesin Dan Peralatan Diberi Tanpa Ikatan Surat Aku Janji) Surat Aku Janji Bantuan Pinjaman Mesin dan Peralatan (Surat Aku Janji Bantuan Pinjaman Peralatan Tidak Lengkap) Mesin dan Peralatan Yang Tidak Digunakan Tidak Ditarik Balik <p>n) Perbadanan Ketua Menteri Melaka dan Hartanah Bumiputera Melaka Sdn. Bhd.</p> <ul style="list-style-type: none"> Tunggakan Sewa <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2</u></p> <p>a) Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah</p> <ul style="list-style-type: none"> Struktur Papan Iklan Luar Didirikan Tanpa Lesen Pendudukan Sementara Pelan Struktur Tidak Dikemukakan Papan Iklan Dipasang Tanpa Kelulusan <p>b) Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kumpulan Melaka Berhad Dan MITC Bowplex</p> <ul style="list-style-type: none"> Penghutang Yang Tidak Dapat Dikesan Pembayaran Tanpa Kelulusan Bayaran Pinjaman <i>Malacca International Bowling Centre</i> Kepada Kumpulan Melaka Berhad Terimaan Tidak Dimasukkan Ke Dalam Bank
2.	25 September 2018	<ul style="list-style-type: none"> Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka Bil. 3/2017 bertarikh 21 Disember 2017 Perbincangan jawapan bertulis daripada Jabatan/Agensi berkenaan isu-isu Laporan Ketua Audit Negara seperti berikut: <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2</u></p> <p>a) Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah dan Alor Gajah</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlanggaran Syarat Nyata Tanah Selepas Permohonan Ditolak

BIL.	TARIKH	PERKARA YANG DIBINCANGKAN
		<p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3</u></p> <p>a) Mahkamah Syariah Negeri Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> Pewartaan Lokap Mahkamah Syariah Tidak Diperoleh – Lokap Mahkamah Syariah (MRS) Alor Gajah <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2</u></p> <p>a) Perbadanan Ketua Menteri Melaka dan Hartanah Bumiputera Melaka Sdn. Bhd.</p> <ul style="list-style-type: none"> Tunggakan Sewa <p>b) Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah</p> <ul style="list-style-type: none"> Struktur Papan Iklan Luar Didirikan Tanpa Lesen Pendudukan Sementara <p>c) Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kumpulan Melaka Berhad dan MITC Bowplex</p> <ul style="list-style-type: none"> Bayaran Pinjaman <i>Melacca International Bowling Centre</i> Kepada Kumpulan Melaka Berhad <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1</u></p> <p>a) Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> Pembelian Unit Perniagaan di Plaza Melaka Raya <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 2</u></p> <p>a) Badan Kawal Selia Air</p> <ul style="list-style-type: none"> Perjanjian Lis Pajakan Tidak Ditandatangani Notis Pemberitahuan Caj Air Mentah <p>b) Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka dan Unit Perancang Ekonomi Negeri</p> <ul style="list-style-type: none"> Prestasi Sumbangan Yang Diterima Berbanding Sasaran (Kesilapan Amaun Pada Klausa Perjanjian) <p>c) Perbadanan Bioteknologi Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> Tunggakan Pendapatan Ujian Makmal Saintifik Prestasi Kewangan
3.	17 Oktober 2018	<ul style="list-style-type: none"> Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka Bil. 1/2018 bertarikh 25 September 2018 Perbincangan jawapan bertulis daripada Jabatan/Agensi berkenaan isu-isu Laporan Ketua Audit Negara seperti berikut: <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2</u></p> <p>a) Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah dan Alor Gajah</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlanggaran Syarat Nyata Tanah Selepas Permohonan Ditolak <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2</u></p> <p>a) Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah</p> <ul style="list-style-type: none"> Struktur Papan Iklan Luar Didirikan Tanpa Lesen Pendudukan Sementara

BIL.	TARIKH	PERKARA YANG DIBINCANGKAN
		<p>b) Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kumpulan Melaka Berhad dan MITC Bowlplex</p> <ul style="list-style-type: none"> Bayaran Pinjaman <i>Malacca International Bowling Centre</i> Kepada Kumpulan Melaka Berhad <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1</u></p> <p>a) Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM)</p> <ul style="list-style-type: none"> Pembelian Unit Perniagaan di Plaza Melaka Raya <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 2</u></p> <p>a) Perbadanan Bioteknologi Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> Prestasi Kewangan Tunggakan Pendapatan Ujian Makmal Saintifik <p>b) Badan Kawal Selia Air</p> <ul style="list-style-type: none"> Perjanjian Lis Pajakan Tidak Ditandatangani Notis Pemberitahuan Caj Air Mentah
4.	4 Disember 2018	<ul style="list-style-type: none"> Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka Bil. 2/2018 bertarikh 17 Oktober 2018 Perbincangan jawapan bertulis daripada Jabatan/Agensi berkenaan isu-isu Laporan Ketua Audit Negara seperti berikut: <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2</u></p> <p>a) Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah dan Alor Gajah</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlanggaran Syarat Nyata Tanah Selepas Permohonan Ditolak <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2</u></p> <p>b) Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah</p> <ul style="list-style-type: none"> Struktur Papan Iklan Luar Didirikan Tanpa Lesen Pendudukan Sementara <p>c) Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kumpulan Melaka Berhad dan MITC Bowlplex</p> <ul style="list-style-type: none"> Bayaran Pinjaman <i>Malacca International Bowling Centre</i> Kepada Kumpulan Melaka Berhad <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1</u></p> <p>a) Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM)</p> <ul style="list-style-type: none"> Pembelian Unit Perniagaan di Plaza Melaka Raya <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 2</u></p> <p>a) Perbadanan Bioteknologi Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> Prestasi Kewangan Tunggakan Pendapatan Ujian Makmal Saintifik <p>b) Badan Kawal Selia Air</p> <ul style="list-style-type: none"> Perjanjian Lis Pajakan Tidak Ditandatangani Notis Pemberitahuan Caj Air Mentah

BIL.	TARIKH	PERKARA YANG DIBINCANGKAN
		<p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1</u></p> <p>a) Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd. (PSHM)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Prestasi Pendapatan Konsultan • Kemudahan dan Penggunaan Katil • Penyumbang Utama Kepada Pendapatan PSHM • Tunggakan Bil Pesakit • Tunggakan Bil Pesakit Bagi <i>Selfpay</i> • Pengerusi • Lembaga Pengarah • Pelan Strategik/Rancangan Korporat/Pelan Perniagaan dan Petunjuk Prestasi Utama • Pembelian Ubat Dan Item Perubatan Oleh Farmasi

Sumber: Minit Mesyuarat PAC



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, pencapaian penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka dan Penyata Kewangan Agensi Negeri adalah memuaskan berbanding tahun 2017. Kedudukan kewangan kerajaan negeri pada 31 Disember 2018 adalah kukuh. Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan RMKe-11 (2016 hingga 2020) pada akhir tahun 2018 adalah baik kerana peratus projek siap dan sedang dilaksanakan adalah 87.8%. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara seperti berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan bagi menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain. Seterusnya, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengambil tindakan pembetulan sewajarnya memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi Negeri perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya adalah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya serta perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. UAD juga perlu membuat penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
21 Oktober 2019**

LAMPIRAN



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 10 hingga 30.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Melaka dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Melaka tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Melaka yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Melaka adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Melaka, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Melaka untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Melaka secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Melaka, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Melaka.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Melaka sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Melaka atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Negeri Melaka memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Pegawai Kewangan Negeri, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Melaka telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini diangkat untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
31 MEI 2019




**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:


- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawalan Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Melaka

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2018.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018.


DATUK HANAFI BIN SAKRI
Pegawai Kewangan Negeri

14 hb Februari 2019


NORIFAH BINTI NORDIN
Bendahari Negeri

14 hb Februari 2019

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018**

		2018	2017
	Nota	RM	RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	11,324,577.53	59,051,059.14
PELABURAN	4	58,538,624.10	40,196,550.10
		<hr/>	<hr/>
		69,863,201.63	99,247,609.24
		<hr/>	<hr/>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(91,381,119.50)	(77,523,998.95)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	161,244,321.13	176,771,608.19
		<hr/>	<hr/>
		69,863,201.63	99,247,609.24

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	Nota	2018		2017	
		RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		124,930,702.64		119,674,784.47	
Hasil Bukan Cukai		186,200,276.85		174,079,061.55	
Terimaan Bukan Hasil		55,874,803.76	367,005,783.25	41,580,594.48	335,334,440.50
		<hr/>		<hr/>	
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		0.00	0.00	0.00	0.00
		<hr/>		<hr/>	
Terimaan Modal	7				
Terimaan Balik Pinjaman		0.00		0.00	
Jualan Aset Modal		0.00		0.00	
Pelbagai Terimaan Modal		17,139,000.00		17,139,000.00	
Jualan Instrumen Kewangan		0.00	17,139,000.00	0.00	17,139,000.00
		<hr/>		<hr/>	
Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah		0.00	0.00	77,512,910.23	77,512,910.23
		<hr/>		<hr/>	
Jumlah Terimaan			384,144,783.25		429,986,350.73

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	Nota	2018		2017	
		RM	RM	RM	RM
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		(106,102,739.67)		(110,511,540.84)	
Perkhidmatan dan Bekalan		(145,531,512.99)		(151,101,805.06)	
Aset		(2,482,004.38)		(3,205,219.85)	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**		(75,722,462.28)		(84,567,012.33)	
Perbelanjaan Lain		<u>(18,024,184.48)</u>	(347,862,903.80)	<u>(3,759,595.38)</u>	(353,145,173.46)
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		(52,160,167.94)		(56,200,088.10)	
Pinjaman		<u>0.00</u>	(52,160,167.94)	0.00	(56,200,088.10)
Perbelanjaan Modal	4				
Pembelian Instrumen Kewangan		<u>(18,342,074.00)</u>	(18,342,074.00)	(11,754,451.55)	(11,754,451.55)
Perbelanjaan Amanah					
Bayaran Amanah		<u>(13,506,119.12)</u>	(13,506,119.12)		
Jumlah Bayaran			(431,871,264.86)		(421,099,713.11)
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			(47,726,481.61)		8,886,637.62
Wang Tunai Pada 1 Januari			<u>59,051,059.14</u>		<u>50,164,421.52</u>
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			11,324,577.53		59,051,059.14

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	Nota	2018		2017
		Belanjawan RM	Sebenar RM	Sebenar RM
HASIL		373,959,732.00	367,005,783.25	335,334,440.50
<i>Tolak:</i>				
Belanja Mengurus	5(b)	402,629,254.00	380,862,903.80	358,145,173.46
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(28,669,522.00)	(13,857,120.55)	(22,810,732.96)
<i>Tolak:</i>				
Belanja Pembangunan	7(a)(i)		52,160,167.94	56,200,088.10
KURANGAN KESELURUHAN			(66,017,288.49)	(79,010,821.06)
KURANGAN DIBIAYAI OLEH:				
Pinjaman Dalam Negeri	6		0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7(a)(i)		17,139,000.00	17,139,000.00
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		48,878,288.49	61,871,821.06
JUMLAH PEMBIAYAAN			66,017,288.49	79,010,821.06

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM
PADA 31 DISEMBER 2018**

		2018	2017
	Nota	RM	RM
MEMORANDUM ASET			
Pinjaman Boleh Dituntut	8(a)	463,404,813.63	470,722,884.18
Pelaburan	8(b)	88,534,072.00	134,484,074.00
MEMORANDUM LIABILITI			
Hutang Awam	9(a)	839,685,306.70	843,290,747.77
Jaminan Berkanun	9(b)	25,542,315.02	25,700,000.00

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpul menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusan bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.

- d) Entiti Perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disediakan mengikut kehendak seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Pada tahun kewangan 2018, Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM3,000,000.00 telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan para 1.2.3 *Cash Basis IPSAS*.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Wang Panjar Tabung Bencana.

Wang Tunai pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut :

Perihal	2018 RM	2017 RM
Wang Tunai Dalam Bank	10,524,631.03	57,802,947.41
Wang Tunai Dalam Perjalanan	49,246.50	497,411.73
Wang Tunai Dalam Tangan	750,700.00	750,700.00
JUMLAH WANG TUNAI	11,324,577.53	59,051,059.14

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9 dan Suratcara Amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan selain daripada Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018		2017	
	Nilai Buku		Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
	RM	RM	RM	RM
PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH				
Pelaburan Tabung Amanah Melaka				
Saham Tersiar Harga	12,438,624.10	-	10,096,550.10	-
Deposit Pelaburan Tabung Amanah Melaka	25,000,000.00	-	19,000,000.00	-
Pelaburan Portfolio Pengurus Dana	11,500,000.00	-	9,500,000.00	-
Pelaburan Tabung Amanah Pemugaran				
Simpanan Tetap	600,000.00	-	600,000.00	-
Pelaburan Akaun Amanah Tabung Pembangunan Nelayan Melaka				
Simpanan Tetap	2,000,000.00	-	-	-
Simpanan Tetap Bank Tempatan				
Simpanan Tetap Bank Persatuan	-	2,000,000.00	-	1,000,000.00
Simpanan Tetap Affin Bank Berhad	-	3,000,000.00	-	-
Simpanan Tetap – MBSB Bank Berhad	-	2,000,000.00	-	-
JUMLAH	51,538,624.10	7,000,000.00	39,196,550.10	1,000,000.00
JUMLAH PELABURAN	58,538,624.10		40,196,550.10	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Semua lebihan hasil tahun semasa dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018		% Belanjawan	2017	
	Belanjawan RM	Sebenar RM		Sebenar RM	% Belanjawan
BAKI PADA 1 JANUARI		(77,523,998.95)		(54,713,265.99)	
HASIL					
Hasil Cukai	153,953,712.00	124,930,702.64	81.15	119,674,784.47	87.58
Hasil Bukan Cukai	163,402,020.00	186,200,276.85	113.95	174,079,061.55	112.83
Terimaan Bukan Hasil	56,604,000.00	55,874,803.76	98.71	41,580,594.48	71.57
Jumlah Hasil	373,959,732.00	367,005,783.25	98.14	335,334,440.50	96.08
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	109,435,244.20	106,102,739.67	96.95	110,511,540.84	98.75
Perkhidmatan dan Bekalan	160,319,697.26	145,531,512.99	90.78	151,101,805.06	98.42
Aset	3,222,025.40	2,482,004.38	77.03	3,205,219.85	96.62
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	111,581,291.14	75,722,462.28	67.86	84,567,012.33	75.74
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	18,070,996.00	18,024,184.48	99.74	3,759,595.38	100.00
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)		347,862,903.80	86.40	353,145,173.46	91.92
Pindahan Akaun Hasil Disatukan Ke Kumpulan Wang Pembangunan		33,000,000.00		5,000,000.00	
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	402,629,254.00	380,862,903.80	94.59	358,145,173.46	93.22
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun	(28,669,522.00)	(13,857,120.55)		(22,810,732.96)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		(91,381,119.50)		(77,523,998.95)	

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai dan diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	Belanjawan Asal RM	2018		2017		
		Belanjawan Disemak RM	Sebenar RM	% Belanjawan	Sebenar RM	% Belanjawan
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	108,888,712.00	108,888,712.00	90,328,965.06	82.96	91,730,448.22	84.86
Cukai Parit Dan Taliair	0.00	0.00	0.00	0.00	247.30	0.00
Cukai Keluaran Hutan	350,000.00	350,000.00	731,373.00	208.96	516,315.00	114.74
Royalti	31,200,000.00	31,200,000.00	20,578,830.00	65.96	14,981,878.31	93.17
Duti Eksais	15,000.00	15,000.00	11,446.63	76.31	11,285.76	75.24
Cukai / Duti Hiburan	13,500,000.00	13,500,000.00	13,280,087.95	98.37	12,434,609.88	103.62
Jumlah Hasil Cukai	153,953,712.00	153,953,712.00	124,930,702.64	81.15	119,674,784.47	87.58
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	5,656,330.00	5,656,330.00	3,169,580.83	56.04	4,959,965.34	89.94
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	25,243,500.00	25,243,500.00	38,757,313.30	153.53	22,833,972.94	99.15
Perolehan dari Jualan Barang-Barang	107,944,290.00	107,944,290.00	123,640,101.40	114.54	125,842,418.31	121.87
Sewaan	584,600.00	584,600.00	937,395.33	160.35	911,119.39	190.81
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	17,568,300.00	17,568,300.00	15,432,505.84	87.84	15,903,417.60	100.81
Denda dan Hukuman	6,405,000.00	6,405,000.00	2,893,380.15	45.17	3,628,167.97	58.30
Sumbangan Dan Bayaran Ganti	0.00	0.00	1,370,000.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Hasil Bukan Cukai	163,402,020.00	163,402,020.00	186,200,276.85	113.95	174,079,061.55	112.83
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	104,000.00	104,000.00	7,714,861.61	7418.14	2,467,148.48	2,624.63
Terimaan daripada Agensi-agensi	56,500,000.00	56,500,000.00	48,159,942.15	85.24	39,113,446.00	67.44
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	56,604,000.00	56,604,000.00	55,874,803.76	98.71	41,580,594.48	71.57
JUMLAH HASIL	373,959,732.00	373,959,732.00	367,005,783.25	98.14	335,334,440.50	96.08

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31
Disember 2018 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2018			% Belanjawan
	Belanjawan Asal RM	Belanjawan Disemak RM	Sebenar RM	
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T01 Peruntukan TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	580,000.00	580,000.00	578,746.45	99.78
T02 Peruntukan Speaker Dewan Undangan Negeri	265,053.00	265,053.00	233,819.30	88.22
T03 Bayaran Hutang Kerajaan	1,500,000.00	1,500,000.00	1,499,957.24	100.00
T04 Pampasan Pencen Dan Ganjaran	7,625,378.00	7,625,378.00	7,139,786.47	93.63
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	9,970,431.00	9,970,431.00	9,452,309.46	94.80

Maksud Perbelanjaan	2018				
	Belanjawan	Belanjawan	Sebenar	%	
	Asal RM	Disemak RM	RM	Belanjawan	
PERBELANJAAN BEKALAN					
B01	Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	4,577,422.00	4,577,422.00	3,337,224.32	72.91
B02	Dewan Undangan Negeri	17,343,980.00	18,065,310.00	17,263,011.99	95.56
B03	Jabatan Ketua Menteri	65,987,542.00	65,987,542.00	61,509,299.41	93.21
B04	Jabatan Pertanian	5,689,886.00	5,689,886.00	5,482,937.00	96.36
B05	Pejabat Tanah Dan Galian	8,445,152.00	8,445,152.00	7,872,264.86	93.22
B06	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	9,431,229.00	9,431,229.00	8,980,223.07	95.22
B07	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	8,827,795.00	8,827,795.00	8,021,267.02	90.86
B08	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	7,711,910.00	7,711,910.00	7,523,259.14	97.55
B09	Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun	42,860,980.00	42,860,980.00	9,086,783.76	21.20
B10	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Melaka	10,221,064.00	10,221,064.00	9,715,312.36	95.05
B11	Jabatan Perhutanan Melaka	2,308,682.00	2,308,682.00	2,301,498.83	99.69
B12	Jabatan Kerja Raya Melaka	29,971,814.00	29,971,814.00	28,166,209.89	93.98
B13	Jabatan Agama Islam Melaka	74,966,480.00	76,579,080.00	71,845,465.13	93.82
B14	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka	18,110,719.00	18,110,719.00	17,237,425.04	95.18
B15	Jab. Kew. dan Perbendaharaan Negeri Melaka	6,285,435.00	21,249,059.00	20,439,465.10	96.19
B16	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka	3,318,894.00	3,318,894.00	3,281,343.33	98.87
B17	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	3,673,702.00	3,673,702.00	3,624,404.76	98.66
B18	Mahkamah Syariah Negeri Melaka	4,984,008.00	4,984,008.00	4,569,503.67	91.68
B19	Pejabat Mufti Negeri Melaka	2,822,752.00	2,822,752.00	2,658,204.62	94.17
B20	Jab. Kew. Dan Perbendaharaan Negeri Melaka	36,169,377.00	47,821,823.00	45,495,491.04	95.14
Jumlah Perbelanjaan Bekalan		363,708,823.00	392,658,823.00	338,410,594.34	86.18
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum pindahan)		373,679,254.00	402,629,254.00	347,862,903.80	
PINDAHAN AKAUN HASIL DISATUKAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN			33,000,000.00		
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)				380,862,903.80	94.59

Maklumat terperinci Perbelanjaan Mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1 – Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang.

Bayaran faedah hutang Kerajaan Negeri tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T03 berjumlah RM1,499,957.24 seperti di Nota 5(b).

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018	2017
	(Debit)/Kredit	(Debit)/Kredit
	RM	RM
PINJAMAN		
Bekalan Air		
Baki pada 1 Januari	-	-
Terimaan	-	-
Bayaran	-	-
Baki pada 31 Disember	-	-
Pelbagai		
Baki pada 1 Januari	-	-
Terimaan	-	-
Bayaran	-	-
Baki pada 31 Disember	-	-
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	-	-

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, Akta-akta Amanah, Arahan Amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Bagi Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, sebahagian besar urusan semasa terdiri daripada urusan Akaun Penyelesaian. Akaun Penyelesaian ini mengakaun urusan bagi Akaun Kawalan, Akaun Kena Bayar dan akaun seumpamanya yang tidak melibatkan terimaan atau bayaran sebenar.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki pada			Baki pada
	01.01.2018	Debit	Kredit	31.12.2018
	(Debit)/Kredit			(Debit)/Kredit
	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	(529,302,753.24)	52,160,167.94	50,139,000.00	(531,323,921.18)
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	618,707,368.18	2,429,462,842.83	2,413,980,328.70	603,224,854.05
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	89,404,614.94	2,481,623,010.77	2,464,119,328.70	71,900,932.87
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Awam	62,957,285.20	30,889,968.16	33,060,627.58	65,127,944.62
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam	62,957,285.20	30,889,968.16	33,060,627.58	65,127,944.62
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	24,374,923.11	10,096,757.62	9,937,278.15	24,215,443.64
Deposit Pelarasan	34,784.94	34,784.94	0.00	0.00
Jumlah Akaun Deposit	24,409,708.05	10,131,542.56	9,937,278.15	24,215,443.64
JUMLAH AKAUN AMANAH	176,771,608.19	2,522,644,521.49	2,507,117,234.43	161,244,321.13

Kurangan pembiayaan berjumlah RM66,017,288.49 di Penyata Prestasi Kewangan dibiayai oleh Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

- i. **Kumpulan Wang Pembangunan** mengakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi & Kesejahteraan Hidup, pinjaman yang diambil bagi

maksud pembangunan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018	2017
	(Debit)/Kredit	(Debit)/Kredit
	RM	RM
BAKI PADA 1 JANUARI	(529,302,753.24)	(495,241,665.14)
TERIMAAN		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	33,000,000.00	5,000,000.00
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	-	-
Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	17,139,000.00	17,139,000.00
Jumlah Terimaan	50,139,000.00	22,139,000.00
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	52,160,167.94	56,200,088.10
Pinjaman	-	-
Jumlah Bayaran	52,160,167.94	56,200,088.10
<i>Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun</i>	<i>(2,021,167.94)</i>	<i>(34,061,088.10)</i>
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA 31 DISEMBER	(531,323,921.18)	(529,302,753.24)

Maklumat terperinci perbelanjaan pembangunan dapat dirujuk di Lampiran 2(i) – Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

- (ii) **Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan** terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian dari kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018	2017
	(Debit)/Kredit	(Debit)/Kredit
	RM	RM
AKAUN PENYELESAIAN		
Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri **	373,149,667.32	393,886,043.32
Lain-lain Akaun Penyelesaian	4,573,670.88	1,912,810.33
<i>Jumlah Akaun Penyelesaian</i>	377,723,338.20	395,798,853.65
AKAUN PINJAMAN		
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	809,372.50	1,076,476.66
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	1,989,576.21	2,234,010.86
Kumpulan Wang Pendahuluan Diri	356,599.98	301,819.38
Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai	558,000.00	485,435.00
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	832,494.16	779,003.51
Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun	8,592,885.40	6,777,924.19
<i>Jumlah Akaun Pinjaman</i>	13,138,928.25	11,654,669.60
KUMPULAN WANG LUAR JANGKA		
Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut	11,016,700.00	11,016,700.00
<i>Jumlah Kumpulan Wang Luar Jangka</i>	11,016,700.00	11,016,700.00

AKAUN AMANAH KERAJAAN		
Kumpulan Wang Amanah Pelancongan Negeri Melaka	619,363.30	236,208.42
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Baitulmal / Asnaf	236,038.24	4,778,621.64
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Biasa	608,532.23	218,174.94
Kumpulan Wang Amanah Kebajikan Negeri Melaka	403,484.01	914,535.61
Kumpulan Wang Amanah Dakwah Negeri Melaka	821,927.16	774,191.56
Kumpulan Wang Amanah Inkubator Usahawan K-Ekonomi Negeri Melaka	150,973.40	245,339.63
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hartanah Negeri Melaka	49,056,805.40	46,213,710.69
Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negeri Melaka	971,109.66	894,930.51
Kumpulan Wang Amanah Teknologi Pembuatan Negeri Melaka	57,101.51	147,548.43
Akaun Amanah Sumbangan Saliran	3,948,211.05	2,379,401.59
Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan	17,389,958.18	14,730,473.67
Kumpulan Wang Amanah Projek Perumahan Awam Negeri Melaka (PAKR)	3,204,831.80	2,600,824.57
Kumpulan Wang Amanah Rancangan Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)	631,592.01	69,949.75
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan Negeri	660,933.05	524,037.17
Kumpulan Wang Amanah Pembelian MISDC	3,713,835.87	4,259,127.95
Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka	103,524,901.59	106,992,870.85
Kumpulan Wang Amanah Pemuliharaan dan Pemugaran	3,760,462.03	3,974,594.49
Kumpulan Wang Masjid Negeri	1,294,648.85	298,456.40
Kump Wang Amanah Prog Industrial Skills Enhancement Prog (INSEP) & W/Force Tech Transformation (WTTP) dan Robotics	5,199,795.72	6,328,046.97
Tabung Projek Perumahan Terbangkalai	644,541.20	644,541.20
Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam Negeri Melaka	270,000.00	-
Kumpulan Wang Amanah Sukan Awam Negeri Melaka	131,883.00	185,013.00
Kumpulan Wang Amanah Sumber Air Negeri Melaka	4,044,958.34	2,826,545.89
	201,345,887.60	200,237,144.93
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	603,224,854.05	618,707,368.18

** RM26,263,624.00 merupakan pendahuluan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan berbaki RM4,000,000.00 pada 31 Disember 2018 yang perlu dibuat pelarasan dari Akaun Hasil ke Akaun Penyelesaian.

Maklumat terperinci Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dapat dirujuk di Lampiran 2(ii) – Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu.

Kumpulan Wang Amanah Awam bagi setiap Kumpulan Wang Amanah pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018	2017
	(Debit)/Kredit	(Debit)/Kredit
	RM	RM
Akaun Amanah Am Negeri Melaka	6,840,754.74	11,008,229.03
Akaun Amanah Infrastruktur	9,888,927.05	9,108,413.48
Tabung Amanah Kebajikan Nelayan Daerah Melaka Tengah	36,219,273.80	33,686,298.22
Akaun Amanah Caj Warisan	10,282,810.26	8,109,060.33
Akaun Amanah Pengurusan SPEKS	466,948.97	505,166.69
Akaun Amanah Elaun Ketua Kampung	870,650.00	15,640.00
Akaun Amanah Kumpulan Briged Seni Negeri Melaka	75,927.42	26,286.10
Akaun Amanah Projek Berasaskan Kayu	-	18,738.97
Akaun Amanah Tabung Khas Bantuan Kemanusiaan Penduduk Palestin	192,918.58	192,918.58
Akaun Amanah Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Melaka	267,800.00	264,600.00
Akaun Amanah JK Pendukung Askar Wataniah N.Melaka	21,933.80	21,933.80
JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	65,127,944.62	62,957,285.20

Maklumat terperinci Pelbagai Kumpulan Wang Awam dapat dirujuk di Lampiran 2(iii) – Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Awam bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

(c) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018	2017
	(Debit)/Kredit	(Debit)/Kredit
	RM	RM
DEPOSIT AM		
Akaun Deposit Am Jabatan Negeri	1,279,998.12	2,805,747.07
Akaun Cagaran	2,268,093.74	3,094,813.74
Akaun Cagaran Kantin	5,000.00	3,000.00
Akaun Cagaran Sewa Bangunan/Gerai/Kedai	6,435.00	18,865.00
Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	19,059,784.63	15,943,804.12
Akaun Deposit Tanah	285,944.27	677,572.67
Akaun Deposit Cukai Hiburan	42,960.00	42,960.00
Akaun Deposit Bon Jaminan Mahkamah Syariah	706,940.00	532,940.00
Akaun Deposit Sistem Kultur Laut	17,402.85	203,631.50
Akaun Deposit Sewa Rumah Kos Rendah	43,360.03	45,400.03
Pelbagai Deposit Am	427,685.00	927,088.98
Akaun Deposit Jaminan Pejabat Daerah Jasin	71,600.00	71,600.00
Akaun Deposit Rumah Pangsa Balai Panjang	240.00	0.00
Akaun Deposit Wang Jaminan Rampasan Ternakan	0.00	7,000.00
Deposit Mahkamah Syariah – Perintah Bersaling	0.00	500.00
Jumlah Deposit Am	24,215,443.64	24,374,923.11
DEPOSIT PELARASAN		
Terimaan Yang Tidak Diperuntukkan	0.00	34,784.94
Jumlah Deposit Pelarasan	0.00	34,784.94
JUMLAH AKAUN DEPOSIT	24,215,443.64	24,409,708.05

Maklumat terperinci Akaun Deposit mengikut jabatan dapat dirujuk di Lampiran 2 (iv) – Penyata Akaun Wang Deposit.

8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) **Pinjaman Boleh Dituntut**

Pinjaman Boleh Dituntut adalah pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan Syarikat.

Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki Belum Selesai Pada	
	2018 RM	2017 RM
Sumber Persekutuan		
Badan Berkanun	315,399,882.74	320,902,995.74
Sumber Negeri		
Pihak Berkuasa Tempatan	1,813,338.58	2,149,441.26
Badan Berkanun	41,520,965.83	44,242,275.99
Syarikat	104,670,626.48	103,428,171.19
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	463,404,813.63	470,722,884.18

Maklumat terperinci bagi Pinjaman Boleh Dituntut dapat dirujuk di Lampiran 3 – Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2018.

(b) **Pelaburan**

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam syarikat dan pemilikan aset. Pelaburan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	Nilai Buku	
	2018 RM	2017 RM
Tabung Amanah Melaka (Saham Tak Tersiar)	8,100,000.00	8,200,000.00
Perbadanan Ketua Menteri (Saham Tak Tersiar)	18,981,000.00	64,831,002.00
Tabung Amanah Melaka (Hartanah)	61,453,072.00	61,453,072.00
JUMLAH PELABURAN	88,534,072.00	134,484,074.00

Maklumat terperinci Pelaburan dapat dirujuk di Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2018.

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti kerajaan iaitu Hutang Awam dan Jaminan Berkanun yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Hutang Awam

Hutang Awam diklasifikasikan sebagai Pinjaman selaras dengan Para 1.10. *Cash Basis IPSAS*. Hutang Awam pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018 RM	2017 RM
DALAM NEGERI		
Badan Berkanun	207,399,833.87	209,893,920.79
Bekalan Air	145,191,773.00	145,191,773.00
Perumahan Awam Kos Rendah	91,047,301.04	91,400,855.19
Pelbagai	396,046,398.79	396,804,198.79
Jumlah Hutang Awam	839,685,306.70	843,290,747.77

Maklumat terperinci Hutang Awam dapat dirujuk di Lampiran 5(i) - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam pada 31 Disember 2018.

(b) Jaminan Berkanun

Maklumat terperinci Jaminan Berkanun dapat dirujuk di Lampiran 5(ii) - Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun pada 31 Disember 2018.

10. AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2018 berjumlah RM50,113,177.54 menurun sebanyak 11.50% berbanding RM56,623,654.23 pada tahun 2017. Jumlah ini adalah berdasarkan rekod jabatan dan dilaporkan sebagai maklumat tambahan walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai.

11. WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR

Tiada amaun pendahuluan kepada kontraktor yang belum diimbuhbalik pada 31 Disember 2018.

12. SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Sehingga 31 Disember 2018, terdapat sebanyak 5 buah syarikat berhad menurut jaminan Kerajaan Negeri. Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:-

1. Kolej Universiti Islam Melaka
2. Dunia Melayu Dunia Islam
3. Institut Pengurusan Dan Integriti Melaka
4. Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia
5. Institut Seni Malaysia Melaka.

AKRONIM

AKRONIM

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
BBN	Badan Berkanun Negeri
CMI	Perbadanan Ketua Menteri
ISSAI	<i>International Standards Of Supreme Audit Institutions</i>
JKPNM	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Malaysia
JKR	Jabatan Kerja Raya
KMB	Kumpulan Melaka Berhad
LPM	Lembaga Perumahan Melaka
MAIM	Majlis Agama Islam Melaka
MBMB	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
MIBC	Melaka International Bowling Centre
MPAG	Majlis Perbandaran Alor Gajah
MPHTJ	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
MPJ	Majlis Perbandaran Jasin
MSNM	Majlis Sukan Negeri Melaka
MTSB	Melaka Taming Sari Berhad
PBM	Perbadanan Bioteknologi Melaka
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PERPUSTAM	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka
PERTAM	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
PERZIM	Perbadanan Muzium Negeri Melaka
PKNM	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
PPSPM	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka
PSM	Perbadanan Stadium Melaka
PTHM	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka
RMK-11	Rancangan Malaysia Ke-11
SPEKS	Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TAM	Tabung Amanah Melaka
TAPEM	Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka
YM	Yayasan Melaka



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2019
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Jabatan Audit Negara
No. 15, Aras 1-5,
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 Putrajaya, Malaysia

